



# KAMUS KOMPETENSI JAKIM

قاموس كومتيتسي جاكيم





# KAMUS KOMPETENSI JAKIM

قاموس كومتيتسي جاكيم

KAMUS KOMPETENSI JAKIM



**Diterbitkan oleh:**

**Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)**

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Jalan Maktab, Seksyen 12

43650 Bandar Baru bangi

Selangor Darul Ehsan

©Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), 2020

**Cetakan Pertama 2020**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Kanan Institut Latihan Islam Malaysia.

**Atur huruf dan rekabentuk oleh:**

H Three A Print Sdn. Bhd.

No 18 & 20,

Jalan Perindustrian Balakong Jaya 2/3, Balakong Jaya,

Seri Kembangan, Petaling

43000 Mukim Petaling,

Selangor Darul Ehsan.

**Dicetak oleh:**

H Three A Print Sdn. Bhd.

No 18 & 20,

Jalan Perindustrian Balakong Jaya 2/3, Balakong Jaya,

Seri Kembangan, Petaling

43000 Mukim Petaling,

Selangor Darul Ehsan.

**ISBN 978-967-19029-0-5**



## ABSTRAK

Kamus Kompetensi JAKIM merupakan dasar kepada pembentukan tahap kecekapan dan kompetensi pegawai-pegawai JAKIM ke arah sebuah pasukan berprestasi tinggi yang akan menerajui masa depan perkhidmatan Hal Ehwal Islam di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kamus ini boleh dijadikan rujukan dalam penilaian kompetensi, penilaian prestasi, pengambilan pegawai baru, pembangunan kerjaya dan pelan latihan dalam perkhidmatan.



# ISI KANDUNGAN

<b>ISI KANDUNGAN</b>	ii
<b>GLOSARI</b>	viii
<b>KATA ALU-ALUAN YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)</b>	x
<b>KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH JAKIM</b>	xi
<b>PRAKATA KETUA PENGARAH KANAN ILMIM</b>	xii
<b>PENGENALAN</b>	1
<b>LATAR BELAKANG</b>	1
Dasar Pembangunan Sumber Manusia (DPSM)	1
Kompetensi Perkhidmatan Hal Ehwal Islam	2
<b>MODEL KAMUS KOMPETENSI JAKIM</b>	3
Komponen Kompetensi JAKIM	3
Kompetensi Teras	4
Kompetensi Fungsian	4
Kerangka Kompetensi JAKIM	5
<b>STRATEGI PELAKSANAAN KAMUS KOMPETENSI</b>	6
Pelaksanaan Kamus Kompetensi	6
<b>SENARAI KOMPETENSI TERAS GENERIK</b>	7
Kompetensi Teras Generik Kumpulan Pengurusan dan Profesional	7
Kompetensi Teras Generik Kumpulan Pelaksana	8
<b>SENARAI KOMPETENSI TERAS UTAMA</b>	8
Senarai Kompetensi Teras Utama Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Lantikan Baharu)	8
Senarai Kompetensi Teras Utama Kumpulan Pelaksana (Lantikan Baharu)	8
<b>TAHAP KECEKAPAN KOMPETENSI</b>	9
<b>Tahap Kecekapan Kompetensi Kumpulan Pengurusan dan Profesional</b>	9
Tahap 1: Berpengetahuan	9
Tahap 2: Berkebolehpayaan	9
Tahap 3: Berkemahiran	9
Tahap 4: Berkepakaran	9
<b>Tahap Kecekapan Kompetensi Kumpulan Pelaksana</b>	10
Tahap 1: Asas	10
Tahap 2: Berkebolehan	10
Tahap 3: Cekap	10
<b>PEMETAAN SKALA TAHAP KECEKAPAN KOMPETENSI</b>	11
Pemetaan Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Kumpulan Pengurusan dan Profesional	11
Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Teras Generik Kumpulan Pengurusan dan Profesional	11
Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Teras Utama Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Lantikan Baharu)	12
Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Fungsian Khusus Kumpulan Pengurusan dan Profesional	12
Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Fungsian Penempatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional	13
Pemetaan Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Kumpulan Pelaksana	14
Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Teras Generik Kumpulan Pelaksana	14
Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Teras Utama Kumpulan Pelaksana (Lantikan Baharu)	14
Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Fungsian Khusus Kumpulan Pelaksana	14
Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Fungsian Penempatan Kumpulan Pelaksana	15

<b>KOMPETENSI TERAS GENERIK KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>	17
Kompetensi: Pengurusan Organisasi dan Sumber Manusia	18
Kompetensi: Pengurusan Kewangan	19
Kompetensi: Pengurusan Komunikasi	20
Kompetensi: Orientasi Keberhasilan	21
Kompetensi: Orientasi Pembelajaran	22
Kompetensi: Pemikiran Inovatif	23
Kompetensi: Penekanan Kepada Pelanggan	24
Kompetensi: Sensitiviti Persekitaran	25
Kompetensi: Pentadbiran Kewangan dan Aset	26
Kompetensi: Kepimpinan Berpasukan	27
Kompetensi: Protokol dan Etiket Sosial	28
Kompetensi: Pelaksanaan Dasar	29
Kompetensi: Pemikiran Analitik	30
Kompetensi: Pengurusan Acara Rasmi	31
Kompetensi: Pengurusan Operasi	32
Kompetensi: Penulisan Dokumen Rasmi	33
Kompetensi: Penyampaian dan Pengucapan Awam	34
Kompetensi: Penyelesaian Masalah	35
Kompetensi: Memberi Bimbingan	36
Kompetensi: Membuat Keputusan	37
Kompetensi: Mengurus Perubahan	38
Kompetensi: Pemikiran Kritis	39
Kompetensi: Pengurusan Sumber Manusia	40
Kompetensi: Perundingan	41
Kompetensi: Kolaborasi Strategik	42
Kompetensi: Memacu Perubahan	43
Kompetensi: Membina Pemimpin	44
Kompetensi: Memimpin Kecemerlangan Organisasi	45
Kompetensi: Pemikiran Strategik	46
Kompetensi: Penggubalan dan Penguatkuasaan Dasar	47
Kompetensi: Pengurusan Pemegang Kepentingan	48
Kompetensi: Profesionalisme	49
Kompetensi: Pengurusan Bajet	50
<b>KOMPETENSI TERAS GENERIK KUMPULAN PELAKSANA</b>	51
Kompetensi: Pengurusan Acara Rasmi	52
Kompetensi: Pengurusan Program	53
Kompetensi: Penulisan Dokumen Rasmi	54
Kompetensi: Penyampaian dan Pengucapan Awam	55
Kompetensi: Penyelesaian Masalah	56
<b>KOMPETENSI TERAS UTAMA KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (LANTIKAN BAHARU)</b>	57
Kompetensi 1: <i>i-Qawiyiy Al-Amin</i> (Kepimpinan)	58
<b>KOMPETENSI TERAS UTAMA KUMPULAN PELAKSANA (LANTIKAN BAHARU)</b>	59
Kompetensi 1: <i>i-Qawiyiy Al-Amin</i> (Kepimpinan dan Kepengikutan)	60
Kompetensi 1: <i>i-Qawiyiy Al-Amin</i> (Kepengikutan)	61

<b>KOMPETENSI FUNGSIAN KHUSUS KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>	63
<b>Bidang Teras 1: Al-Quran dan Al-Hadith</b>	64
Kompetensi 1: Pengetahuan dan Kefahaman Tilawah dan Tahsin Qiraatil Quran	65
Kompetensi 2: Pengetahuan dan Kefahaman Tafsir Al-Quran	66
Kompetensi 3: Pengetahuan dan Pemahaman Ulum Al-Quran	67
Kompetensi 4: Pengetahuan dan Pemahaman Ulum Al-Hadith	68
Kompetensi 5: Pengetahuan dan Pemahaman Takhrij Al-Hadith	69
<b>Bidang Teras 2: Akidah dan Aliran Pemikiran</b>	70
Kompetensi 1: Pemantapan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ)	71
Kompetensi 2: Pengetahuan dan Pemantapan Tasawuf	72
Kompetensi 3: Pengetahuan dan Kemahiran Perbandingan Agama	73
Kompetensi 4: Kefahaman Aliran Pemikiran dan Firqah	74
Kompetensi 5: Pemantauan Ajaran Sesat	75
Kompetensi 6: Penyelidikan Ideologi Semasa	76
<b>Bidang Teras 3: Pengurusan <i>Siyasah Syar'iyah</i></b>	77
Kompetensi 1: Pengurusan Masjid	78
Kompetensi 2: Kepimpinan Islam	79
Kompetensi 3: Perhubungan Antarabangsa Negara-Negara Islam	80
Kompetensi 4: Pengurusan Institusi-Institusi Islam	81
Kompetensi 5: Pengurusan Kekeluargaan Islam	82
Kompetensi 6: Pengurusan Keimaman	83
<b>Bidang Teras 4: Penyelidikan dan Pembangunan (R&amp;D)</b>	84
Kompetensi 1: Metodologi Penyelidikan Hukum dan Strategik	85
Kompetensi 2: Pengurusan Fatwa	86
Kompetensi 3: Kemahiran Falak Syarie	87
Kompetensi 4: Semakan dan Tapisan	88
Kompetensi 5: Risikan dan Pemantauan	89
<b>Bidang Teras 5: <i>Tarbiyyah dan Tadribiyah Islamiyyah</i></b>	90
Kompetensi 1: Pengurusan Pendidikan Islam (Kepimpinan)	91
Kompetensi 2: Pengurusan Pendidikan Islam (Akademik)	92
Kompetensi 3: Metodologi Pendidikan Islam	93
Kompetensi 4: Psikologi Pendidikan Islam	94
Kompetensi 5: Pendidikan Tahfiz dan Qiraat	95
Kompetensi 6: Pengajian Kitab Turath	96
Kompetensi 7: Pengurusan Latihan Islam (Institut Latihan)	97
Kompetensi 8: Pengurusan Latihan Islam (Pengendalian Latihan)	98
Kompetensi 9: Pengurusan Latihan Islam (Pembangunan Modul)	99
Kompetensi 10: Pengurusan Latihan Islam (Pembangunan Kejurulatihan)	100
Kompetensi 11: Metodologi Latihan Islam	101
Kompetensi 12: Psikologi Latihan Islam	102
Kompetensi 13: Latihan Pengajar Tahfiz dan Qiraat	103
Kompetensi 14: Latihan Pengajar Kitab Turath	104
<b>Bidang Teras 6: Muamalat dan Kewangan Islam</b>	105
Kompetensi 1: Kajian dan Penyelidikan Kewangan Islam	106
Kompetensi 2: Penulisan/Penyediaan Laporan/Dokumen/Garis Panduan Berkaitan Kewangan Islam	107
Kompetensi 3: Khidmat Nasihat/Perundingan/Rujukan Berkaitan Kewangan Islam	108



<b>Bidang Teras 7: Pengurusan Halal</b>	109
Kompetensi 1: Pelaksanaan Dasar Pensijilan Halal	110
Kompetensi 2: Pengurusan Dokumentasi dan Pengeluaran Pensijilan Halal Malaysia dan Sistem MYeHALAL	111
Kompetensi 3: Profesionalisme Pegawai Pemeriksa (Auditor) Halal	112
Kompetensi 4: Profesionalisme Pegawai Pemantauan dan Penguatkuasaan Pensijilan Halal Malaysia	113
<b>Bidang Teras 8: Dakwah dan Pembangunan Insan</b>	114
Kompetensi 1: Pengurusan Program Dakwah	115
Kompetensi 2: Pembangunan Modal Insan	116
Kompetensi 3: Pengurusan Kepimpinan Dakwah	117
Kompetensi 4: Pengurusan Kemahiran Psikologi Dakwah	118
Kompetensi 5: Kemahiran Komunikasi dan Media Dakwah	119
<b>Bidang Teras 9: Perundangan Islam</b>	120
Kompetensi 1: Pemahaman Punca Kuasa Perundangan Hal Ehwal Islam	121
Kompetensi 2: Kemahiran Penyediaan Deraf Undang-undang Utama dan Subsidiari	122
Kompetensi 3: Pengurusan Perundingan Dengan Negeri-Negeri	123
Kompetensi 4: Kemahiran Risikan Undang-undang	124
Kompetensi 5: Kemahiran Pengendalian Kes	125
Kompetensi 6: Asas Pendakwaan Syariah	126
Kompetensi 7: Pentadbiran Akta 303 (Pengurusan Perkahwinan Islam)	127
<b>KOMPETENSI FUNGSIAN KHUSUS KUMPULAN PELAKSANA</b>	129
<b>Bidang Teras 1: Al-Quran dan Al-Hadith</b>	130
Kompetensi 1: Pengetahuan dan Kefahaman Tilawah dan Tahsin Qiraatil Quran	131
Kompetensi 2: Pengetahuan dan Kefahaman Tafsir Al-Quran	132
Kompetensi 3: Pengetahuan dan Pemahaman Ulum Al-Quran	133
Kompetensi 4: Pengetahuan dan Pemahaman Ulum Al-Hadith	134
Kompetensi 5: Pengetahuan dan Pemahaman Takhrij Al-Hadith	135
<b>Bidang Teras 2: Akidah dan Aliran Pemikiran</b>	136
Kompetensi 1: Pemantapan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ)	137
Kompetensi 2: Pengetahuan dan Pemantapan Tasawuf	138
Kompetensi 3: Pengetahuan dan Kemahiran Perbandingan Agama	139
Kompetensi 4: Kefahaman Aliran Pemikiran dan Firqah	140
Kompetensi 5: Pemantauan Ajaran Sesat	141
Kompetensi 6: Penyelidikan Ideologi Semasa	142
<b>Bidang Teras 3: Pengurusan Siyasaah Syar'iyah</b>	143
Kompetensi 1: Pengurusan Masjid	144
Kompetensi 2: Kepimpinan Islam	145
Kompetensi 3: Perhubungan Antarabangsa Negara-Negara Islam	146
Kompetensi 4: Pengurusan Institusi-Institusi Islam	147
Kompetensi 5: Pengurusan Kekeluargaan Islam	148
Kompetensi 6: Pengurusan Keimaman	149
<b>Bidang Teras 4: Penyelidikan dan Pembangunan (R&amp;D)</b>	150
Kompetensi 1: Metodologi Penyelidikan Hukum dan Strategik	151
Kompetensi 2: Pengurusan Fatwa	152
Kompetensi 3: Kemahiran Falak Syarie	153
Kompetensi 4: Semakan dan Tapisan	154
Kompetensi 5: Risikan dan Pemantauan	155

<b>Bidang Teras 5: Tarbiyyah dan Tadribiyyah Islamiyyah</b>	156
Kompetensi 1: Pengurusan Pendidikan Islam (Kepimpinan)	157
Kompetensi 2: Pengurusan Pendidikan Islam (Akademik)	158
Kompetensi 3: Metodologi Pendidikan Islam	159
Kompetensi 4: Psikologi Pendidikan Islam	160
Kompetensi 5: Pendidikan Tahfiz dan Qiraat	161
Kompetensi 6: Pengajian Kitab Turath	162
Kompetensi 7: Pengurusan Latihan Islam (Institut Latihan)	163
Kompetensi 8: Pengurusan Latihan Islam (Pengendalian Latihan)	164
Kompetensi 9: Pengurusan Latihan Islam (Pembangunan Modul)	165
Kompetensi 10: Pengurusan Latihan Islam (Pembangunan Kejurulatihan)	166
Kompetensi 11: Metodologi Latihan Islam	167
Kompetensi 12: Psikologi Latihan Islam	168
Kompetensi 13: Latihan Pengajar Tahfiz dan Qiraat	169
Kompetensi 14: Latihan Pengajar Kitab Turath	170
<b>Bidang Teras 6: Muamalat dan Kewangan Islam</b>	171
Kompetensi 1: Kajian dan Penyelidikan Kewangan Islam	172
Kompetensi 2: Penulisan/Penyediaan Laporan/Dokumen/Garis Panduan Berkaitan Kewangan Islam	173
Kompetensi 3: Khidmat Nasihat/Perundingan/Rujukan Berkaitan Kewangan Islam	174
<b>Bidang Teras 7: Pengurusan Halal</b>	175
Kompetensi 1: Pelaksanaan Dasar Pensijilan Halal	176
Kompetensi 2: Pengurusan Dokumentasi dan Pengeluaran Pensijilan Halal Malaysia dan Sistem MYeHALAL	177
Kompetensi 3: Profesionalisme Pegawai Pemeriksa (Auditor) Halal	178
Kompetensi 4: Profesionalisme Pegawai Pemantauan dan Penguatkuasaan Pensijilan Halal Malaysia	179
<b>Bidang Teras 8: Dakwah dan Pembangunan Insan</b>	180
Kompetensi 1: Pengurusan Program Dakwah	181
Kompetensi 2: Pembangunan Modal Insan	182
Kompetensi 3: Pengurusan Kepimpinan Dakwah	183
Kompetensi 4: Pengurusan Kemahiran Psikologi Dakwah	184
Kompetensi 5: Kemahiran Komunikasi dan Media Dakwah	185
<b>Bidang Teras 9: Perundangan Islam</b>	186
Kompetensi 1: Pemahaman Punca Kuasa Perundangan Hal Ehwal Islam	187
Kompetensi 2: Kemahiran Penyediaan Deraf Undang-undang Utama dan Subsidiari	188
Kompetensi 3: Pengurusan Perundingan Dengan Negeri-Negeri	189
Kompetensi 4: Kemahiran Risikan Undang-undang	190
Kompetensi 5: Kemahiran Pengendalian Kes	191
Kompetensi 6: Asas Pendakwaan Syariah	192
Kompetensi 7: Pentadbiran Akta 303 (Pengurusan Perkahwinan Islam)	193
<b>KOMPETENSI FUNGSIAN PENEMPATAN KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL DAN KUMPULAN PELAKSANA</b>	195
<b>Sektor Ketua Pengarah</b>	196
Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)	196
Bahagian Undang-undang (BUU)	196
Darul Quran (DQ)	197

Institut Latihan Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)	197
Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS)	198
Unit Komunikasi Korporat (UKK)	198
Unit Integriti	198
<b>Sektor Dasar</b>	199
Bahagian Dasar Kemajuan Islam (BDKI)	199
Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah (BPPPS)	199
Bahagian Penyelidikan	200
Bahagian Keurusetiaan dan Hubungan Luar (BKHL)	200
Sekretariat Majlis Halal Malaysia (MHM)	201
Bahagian Maqasid Syariah	201
Kader JAKIM	202
<b>Sektor Operasi</b>	203
Bahagian Dakwah	203
Bahagian Penyiaran	203
Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK)	203
Bahagian Penerbitan	204
Bahagian Pendidikan	204
Bahagian Pengurusan Halal (BPH)	204
<b>Sektor Pengurusan</b>	205
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)	205
Bahagian Pengurusan Maklumat	205
Bahagian Kewangan	206
Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	206
<b>JAKIM Sabah</b>	207
<b>JAKIM Sarawak</b>	207
<b>PENUTUP</b>	208
<b>SENARAI JAWATANKUASA TEKNIKAL PENYEDIAAN KAMUS KOMPETENSI JAKIM</b>	209

# GLOSARI

## Kamus Kompetensi

Kamus Kompetensi bertujuan sebagai rujukan dasar kepada pembentukan tahap kecekapan dan kompetensi, corak perkembangan pengetahuan, kemahiran, keupayaan, kelakuan atau tingkahlaku yang diperlukan oleh seseorang warga kerja dalam melakukan dan membuat kerja-kerja harian sepertimana fungsi dan tanggungjawab yang digariskan dalam *Job Description* (JD).

## Kompetensi Teras

Kompetensi yang wajib bagi semua jawatan di dalam sesebuah organisasi. Dalam komponen kompetensi ini, jawatan-jawatan bagi gred yang berbeza mempunyai pemetaan tahap kompetensi teras yang berlainan. Kompetensi ini meliputi semua gred jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana dalam perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Komponen kompetensi teras ini dibahagikan kepada dua iaitu **Teras Generik** dan **Teras Utama**.

## Kompetensi Teras Generik

Kompetensi yang wajib bagi semua gred jawatan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana dalam perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Dalam komponen kompetensi teras generik ini, jawatan-jawatan bagi gred yang berbeza mempunyai pemetaan tahap kompetensi teras generik yang berlainan.

## Kompetensi Teras Utama

Kompetensi yang wajib bagi setiap semua gred lantikan baharu dalam perkhidmatan Hal Ehwal Islam.

## Kompetensi Fungsian

Kompetensi yang wajib bagi memenuhi fungsi tugas jawatan-jawatan tertentu dan bidang khusus/teras perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Dalam komponen kompetensi ini juga, jawatan-jawatan bagi gred dan penempatan yang berbeza mempunyai kompetensi fungsian yang berlainan. Komponen kompetensi fungsian ini dibahagikan kepada dua iaitu **Fungsian Khusus** dan **Fungsian Penempatan**.

## Kompetensi Fungsian Khusus

Kompetensi khusus bagi setiap sembilan (9) bidang teras perkhidmatan Hal Ehwal Islam meliputi semua penempatan pegawai. Pegawai di Gred 41 perlu melalui pusingan latihan yang lengkap meliputi sembilan (9) bidang teras perkhidmatan Hal Ehwal Islam dan pegawai di Gred 44 perlu menguasai sekurang-kurangnya empat (4) bidang teras perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Pegawai pada Gred 48 akan mengikuti latihan bidang teras perkhidmatan Hal Ehwal Islam berdasarkan keperluan penempatan. Justeru, pegawai perlu menghadiri kursus yang ditetapkan seperti dinyatakan dalam dokumen *Training Roadmap* (TRM) JAKIM.

## Kompetensi Fungsian Penempatan

Kompetensi tertentu bagi memenuhi fungsi tugas jawatan mengikut penempatan pegawai JAKIM termasuk Kader JAKIM.

### Berpengetahuan

Mempunyai pengetahuan mengenai sesuatu kompetensi dan memerlukan seliaan dan bimbingan untuk mengaplikasi kompetensi tersebut dalam situasi mudah.

### Berkebolehubayaan

Mempunyai pengetahuan mengenai sesuatu kompetensi dan mampu mengaplikasikan kompetensi tersebut dalam situasi rutin atau mudah tanpa seliaan dan bimbingan.

### Berkemahiran

Mempunyai pengetahuan mendalam mengenai sesuatu kompetensi dan boleh mengaplikasikan kompetensi tersebut dalam situasi mencabar.

### Berkepakaran

Mempunyai pengetahuan tinggi mengenai sesuatu kompetensi, mampu mengaplikasi kompetensi tersebut dalam situasi yang kompleks dan mampu menghasilkan produk dan kaedah yang berkaitan dengan kompetensi berkenaan.

### Asas

Mempunyai pengetahuan asas mengenai sesuatu kompetensi dan memerlukan seliaan serta bimbingan untuk mengaplikasi kompetensi tersebut dalam situasi mudah.

### Berkebolehan

Mempunyai pengetahuan mengenai sesuatu kompetensi dan mampu mengaplikasikan kompetensi tersebut dalam situasi rutin atau mudah dengan seliaan dan bimbingan yang minima.

### Cekap

Mempunyai pengetahuan mendalam mengenai sesuatu kompetensi dan cekap mengaplikasikan kompetensi tersebut.

### PPT

Pemberi Pendidikan Tinggi iaitu Darul Quran (DQ), Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) dan Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS).



# KATA ALU-ALUAN YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين

والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

**P**ertamanya, sekalung tahniah diucapkan kepada Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dan Pengurusan Tertinggi JAKIM atas kejayaan menerbitkan Kamus Kompetensi, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Ia merupakan komitmen tinggi dan langkah proaktif ILIM untuk meningkatkan modal insan melalui pembangunan latihan dan kompetensi pegawai Hal Ehwat Islam di peringkat persekutuan dan negeri.

Sejajar dengan Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (DPSM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi menjelaskan prinsip dan pendekatan pembangunan sumber manusia, inisiatif ini telah berjaya diterjemahkan melalui penyediaan Kamus Kompetensi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ke arah usaha untuk melahirkan Pegawai Hal Ehwat Islam yang memiliki keupayaan intelektual, kepakaran yang tinggi, mempunyai pengalaman yang luas serta menjadi sumber rujukan dalam dan luar organisasi.

Dokumen yang dibangunkan ini juga selari dengan dasar Manhaj Rabbani yang menitikberatkan kepimpinan dan tadbir urus yang terbaik, integriti tertinggi dan etika terunggul dalam kalangan pegawai perkhidmatan Hal Ehwat Islam. Pembentukan insan rabbani, organisasi rabbani bahkan Negara rabbani pasti tidak akan tercapai jika kita tidak mempunyai strategi perancangan yang sistematik.

Penyediaan dan pelaksanaan Kamus Kompetensi JAKIM ini juga merupakan langkah strategik dalam pembentukan tahap kecekapan dan kompetensi para pegawai JAKIM ke arah sebuah pasukan berprestasi tinggi yang akan menerajui masa depan perkhidmatan Hal Ehwat Islam di Malaysia. Bagi saya, keunikan dokumen ini ialah gabungan komponen Kompetensi Teras dan Fungsian yang merangkumi aspek sikap (*attitude*), pengetahuan (*knowledge*), kemahiran (*skills*) dan spiritual (*spiritual*). Ia amat bertepatan dengan Manhaj Rabbani yang ingin saya garapkan iaitu dengan pembinaan keilmuan (*Thaqafah*), pemantapan kerohanian (*Ruhaniyyah*) dan kelestarian aktivisme (*Da'wah*).

Harapan saya agar usaha ini akan disambut baik oleh semua pihak warga kerja JAKIM dan akhirnya JAKIM dapat menyediakan para pegawai dan warga kerja yang mempunyai disiplin terbaik, integriti tertinggi, etika terunggul, berpengetahuan tinggi, berkemahiran dan mempunyai hala tuju yang jelas.

Akhir kata, sekalung tahniah sekali lagi diucapkan kepada Pengurusan Tertinggi JAKIM atas inisiatif penyediaan dokumen ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua ahli jawatankuasa teknikal yang telah terlibat dalam penyediaan Kamus Kompetensi JAKIM ini.

Sekian, terima kasih.

**YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwat Agama)

# KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين

والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

**P**eningkatan prestasi merupakan cabaran kepada organisasi dalam usaha mengekalkan saingan dalam pasaran global. Peningkatan prestasi ini akan dapat dicapai sekiranya organisasi mempunyai pegawai berkemahiran, berpengetahuan dan berkomitmen untuk menjadikan organisasi tempat kerja bertambah maju. Latihan adalah suatu proses memperolehi dan memperbaiki kemahiran, pengetahuan dan sikap yang diperlukan untuk mempertingkatkan prestasi kerja. Ia juga merupakan suatu pelaburan yang dibiayai oleh organisasi. Kebanyakan pegawai ingin melakukan tugas dengan sebaik mungkin, tetapi kerana mereka tiada kemahiran yang diperlukan, masalah akan timbul. Oleh itu, latihan dianggap sebagai sesuatu yang penting untuk menyelesaikan masalah.

Perubahan juga sering berlaku sama ada perubahan teknologi, dasar dan sebagainya. Kegagalan untuk mengenalpasti kesan cabaran luaran kepada organisasi akan mengundang bencana. Melengahkan atau mengabaikan perubahan yang perlu dibuat dalam organisasi boleh menyebabkan kesukaran organisasi untuk kekal berdaya saing. Oleh itu, bagi membolehkan peningkatan prestasi dan adaptasi perubahan, reka bentuk latihan yang mantap amat diperlukan. Persoalan seringkali ditimbulkan tentang sejauh manakah keberkesanan latihan yang dijalankan kepada pekerja bagi sesebuah organisasi. Umumnya, untuk menguruskan latihan yang efektif ia memerlukan perancangan yang sistematik.

Usaha ILIM dalam membuat pemetaan kompetensi dan latihan yang diperlukan melalui satu pelan terancang iaitu Kamus Kompetensi JAKIM mengambil kira aspek kompetensi generik (*generic*), kompetensi fungsian (*functional*) dan semua gred di JAKIM merupakan langkah proaktif yang tepat dan amat perlu dijayakan oleh semua pihak di JAKIM. Ia penting bagi memastikan pegawai JAKIM yang berpengetahuan, berkemahiran, berkompetensi tinggi, sahsiah tinggi dan berkepakaran dalam bidang perkhidmatan Hal Ehwal Islam.

Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa teknikal yang telah terlibat dalam penyediaan Kamus Kompetensi JAKIM ini terutama Pengurusan Tertinggi ILIM sebagai peneraju penyediaan dokumen ini.

Semoga usaha ini dapat dijayakan oleh semua pengarah bahagian, penyelia, pegawai serta setiap warga kerja JAKIM.

Sekian, terima kasih.

**DATUK ABDUL AZIZ BIN JUSOH**  
Ketua Pengarah JAKIM

# PRAKATA PENGARAH KANAN INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين

والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

**A**lhamdulillah bersyukur kita kehadiran Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Kamus Kompetensi JAKIM berjaya disiapkan dengan sempurna. Kamus Kompetensi JAKIM ini merupakan dasar kepada pembentukan tahap kecekapan dan kompetensi serta pelan latihan strategik bagi memperkasakan pembangunan modal insan khususnya dari aspek pembangunan latihan dan kompetensi pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM di seluruh negeri dan persekutuan sejajar dengan era ledakan teknologi maklumat dan dunia tanpa sempadan pada masa kini.

Usaha ini adalah selaras dengan Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (DPSM) yang telah diperkenalkan iaitu untuk meningkatkan perkembangan pengetahuan, kemahiran, keupayaan, kelakuan atau tingkahlaku yang diperlukan oleh seseorang wargakerja dalam melakukan dan melaksanakan tugas harian sepertimana fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan. Bagi menyokong dasar tersebut, pelan latihan yang merangkumi struktur dan program-program latihan yang lebih sistematik dan komprehensif perlu disediakan. Ia perlu bagi memastikan setiap anggota jabatan ini dilengkapi dengan pengetahuan, sikap, kemahiran serta pengalaman yang bersesuaian melalui program pembangunan modal insan yang terancang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran yang berterusan serta sistematik selari dengan perkembangan semasa dunia pada masa kini.

Langkah proaktif untuk mempertingkatkan profesionalisme dan kompetensi pegawai JAKIM sebagai platform penting ke arah peningkatan kemajuan kerjaya setiap anggota perkhidmatan awam boleh direalisasikan menerusi penyediaan Kamus Kompetensi JAKIM ini. Ia merupakan landasan tepat sebagai panduan bagi para penyelia, pegawai pada setiap bahagian dan Kader JAKIM untuk meningkatkan kompetensi perkhidmatan Hal Ehwal Islam untuk mengikuti latihan secara sistematik sama ada disediakan oleh pihak ILIM atau institusi latihan lain.

Akhir kalam, ucapan syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung atas usaha gigih dan niat murni dalam menyediakan Kamus Kompetensi JAKIM yang akan diimplementasikan bermula tahun 2020 bagi melonjakkan lagi serta mempertingkatkan profesionalisme dan kompetensi pegawai JAKIM.

Sekian, terima kasih.

**DR. NORDIN BIN AHMAD**

Pengarah Kanan ILIM

# PENGENALAN

Dokumen ini akan menjadi panduan dan rujukan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam pembangunan modal insan dan kompetensi Pegawai Hal Ehwal Islam (PHEI). Dokumen Kamus Kompetensi ini perlu dibaca secara bersama dengan *Training Roadmap* (TRM) atau Pelan Latihan JAKIM.

## LATAR BELAKANG

### Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (DPSM)

Dasar Pembangunan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam (DPSM) menetapkan bahawa setiap anggota perkhidmatan awam perlu melengkapkan diri atau dilengkapkan dengan sikap (*attitude*), kemahiran (*skills*) dan pengetahuan (*knowledge*) yang bersesuaian, melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang serta berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan. DPSM juga diperkenalkan bertujuan untuk menjelaskan prinsip dan pendekatan pembangunan sumber manusia yang mempunyai kemahiran berfikir ke hadapan, berkeupayaan dan beretika ke arah pembentukan pegawai awam yang P.I.N.T.A.R iaitu mempunyai kompetensi asas seperti berikut:

- P** Profesionalisme, Produktif dan Berpaksikan Rakyat
- I** Integriti, Inovatif dan Impak Tinggi
- N** Nilai-Nilai Murni
- T** Tangkas dan *Technology Savy*
- A** Agen Pemecut Digitalisasi dan Perubahan
- R** Relevan dan Responsif

Melalui DPSM, konsep asas kompetensi telah ditakrifkan semula merangkumi Kompetensi Teras dan Kompetensi Fungsian. Manakala konsep latihan telah dianjak kepada konsep pembangunan kompetensi berteraskan pendekatan pembelajaran 3P iaitu Pendidikan (*Educate*), Pendedahan (*Exposure*) dan Pengalaman (*Experience*).

Merujuk DPSM yang diperkenalkan, Kompetensi Teras merujuk kepada kemahiran, keupayaan, keperibadian dan perwatakan yang menyumbang kepada pembangunan diri dan potensi seseorang pegawai awam. Ia merangkumi aspek-aspek kesejahteraan psikologi, integriti, maruah diri serta kompetensi yang diperlukan oleh semua pegawai tanpa mengira jenis tugas atau misi organisasi.

Kompetensi Fungsian merujuk kepada kemahiran, keupayaan, sikap dan pengetahuan khusus serta pengalaman yang diperlukan untuk menyempurnakan tugas yang dipertanggungjawabkan berdasarkan deskripsi tugas atau *Job Description* (JD) semasa.

## Kompetensi Perkhidmatan Hal Ehwal Islam

Kompetensi ialah satu corak perkembangan pengetahuan, kemahiran, keupayaan, kelakuan atau tingkahlaku yang diperlukan oleh seseorang wargakerja dalam melakukan dan melaksanakan tugas harian sepertimana fungsi dan tanggungjawab yang digariskan dalam *Job Description* (JD). Komponen pengetahuan dan kemahiran (*knowledge and skill*) adalah komponen-komponen yang boleh dikembangkan manakala komponen sikap dan kepercayaan (*behavior, attitudes and believes*) adalah komponen yang sukar diubah dan dikembangkan.

Bagi Pegawai Hal Ehwal Islam, satu lagi yang menjadi elemen penting dalam proses pembangunan modal insan ialah elemen *spiritual* (kerohanian). Menurut Imam Al-Ghazali, *al-nafs, al-qalb, al-ruh* dan *al-'aql* merupakan empat elemen spiritual sebagai suntikan kerohanian yang diperlukan manusia dalam pembangunan modal insan kerana manusia sentiasa memerlukan pertolongan dan kebergantungan kepada Tuhan, memerlukan kesimbangan emosi atau ketenangan jiwa dalam menjalani kehidupan seterusnya memastikan kelestarian tanggungjawabnya sebagai penjawat awam.

Keutamaan mesti diberikan kepada aspek spiritual kerana ia merupakan hakikat diri manusia. Kepincangan dari mana-mana aspek akan menimbulkan ketidak seimbangan individu dan seterusnya menjejaskan sumber manusia dalam sesebuah organisasi.

Elemen spiritual atau kerohanian ini perlu diterapkan ke dalam sistem pembangunan modal insan sebagai medium utama dalam proses untuk membangunkan kompetensi pegawai. Ia merangkumi aspek tingkahlaku atau sikap yang mampu membentuk nilai atau tingkahlaku yang mantap serta dapat melahirkan modal insan yang berkualiti.

Dalam konteks perkhidmatan Hal Ehwal Islam, sembilan (9) bidang teras perkhidmatan Hal Ehwal Islam dijadikan rujukan dan asas kepada pembangunan kompetensi dan perkembangan pengetahuan serta kemahiran dalam perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Sembilan (9) bidang teras perkhidmatan Hal Ehwal Islam tersebut seperti Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Bidang Teras Perkhidmatan Hal Ehwal Islam



# MODEL KAMUS KOMPETENSI JAKIM


Kamus Kompetensi JAKIM ini bertujuan untuk membentuk pegawai-pegawai JAKIM menjadi pasukan berprestasi tinggi yang akan menerajui masa depan perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Sehubungan dengan itu, kamus ini boleh dijadikan rujukan dalam penilaian kompetensi, penilaian prestasi, pengambilan pegawai baru, pembangunan kerjaya dan pelan latihan dalam perkhidmatan.

Kamus Kompetensi ini mengandungi kompetensi yang telah ditetapkan bagi Kumpulan Pelaksana (Gred 19 hingga 40) dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 hingga 54). Kamus ini akan menjelaskan keupayaan dan tingkah laku setiap kompetensi yang telah ditetapkan. Setiap penyelia dan pegawai perlu bekerjasama merangka dan menetapkan keperluan kompetensi fungsian masing-masing mengikut keperluan organisasi. Selain itu, kamus ini juga memberi deskripsi bagi setiap kompetensi dan memperincikan tahap-tahap kecekapan setiap kompetensi bagi semua gred jawatan dalam Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

## Komponen Kompetensi JAKIM

Kamus Kompetensi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merangkumi dua (2) komponen kompetensi iaitu; Kompetensi Teras dan Kompetensi Fungsian.

- 1) **Kompetensi Teras** ialah kompetensi wajib bagi semua jawatan di dalam sesebuah organisasi. Dalam komponen kompetensi ini, jawatan-jawatan bagi gred yang berbeza mempunyai pemetaan tahap kompetensi teras yang berlainan. Kompetensi ini meliputi semua gred jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana dalam perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Komponen kompetensi teras ini dibahagikan kepada dua iaitu Teras Generik dan Teras Utama.
- 1) **Kompetensi Fungsian** ialah kompetensi bagi memenuhi fungsi tugas jawatan-jawatan tertentu dan bidang teras perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Dalam komponen kompetensi ini juga, jawatan-jawatan bagi gred dan penempatan yang berbeza mempunyai kompetensi fungsian yang berlainan. Komponen kompetensi fungsian ini dibahagikan kepada dua iaitu Fungsian Khusus dan Fungsian Penempatan.




Rajah 2: Komponen Kompetensi JAKIM

## Kompetensi Teras

Komponen Kompetensi Teras dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu Kompetensi Teras Generik dan Kompetensi Teras Utama.

- 1) **Kompetensi Teras Generik** ialah kompetensi yang wajib bagi semua gred jawatan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana dalam perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Dalam komponen kompetensi teras generik ini, jawatan-jawatan bagi gred yang berbeza mempunyai pemetaan tahap kompetensi-kompetensi teras generik yang berlainan.
- 2) **Kompetensi Teras Utama** ialah kompetensi utama yang wajib bagi semua gred kemasukan lantikan baharu dalam perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Dalam komponen ini, setiap pegawai yang dilantik perlu menghadiri kursus yang ditetapkan dalam tempoh 1 hingga 3 tahun (awal perkhidmatan).


## Kompetensi Fungsian



Rajah 3: Komponen Kompetensi Teras


Komponen Kompetensi Fungsian juga dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu Kompetensi Fungsian Khusus dan Kompetensi Fungsian Penempatan.

- 1) **Kompetensi Fungsian Khusus** ialah kompetensi khusus bagi setiap sembilan (9) bidang teras perkhidmatan Hal Ehwal Islam meliputi semua penempatan pegawai. Semua pegawai Kumpulan Pelaksana (Gred 19-40) perlu mempunyai pengetahuan asas dalam sembilan (9) bidang teras Perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Gred 41 perlu melalui pusingan latihan yang lengkap meliputi sembilan (9) bidang teras perkhidmatan Hal Ehwal Islam dan pegawai di Gred 44 perlu menguasai sekurang-kurangnya empat (4) bidang teras perkhidmatan Hal Ehwal Islam. Pegawai pada Gred 48 akan mengikuti latihan bidang teras perkhidmatan Hal Ehwal Islam berdasarkan keperluan Fungsian Penempatan dan Program Kepimpinan di ILIM atau lain-lain agensi yang diiktiraf JAKIM. Senarai latihan bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional telah ditetapkan dalam dokumen *Training Roadmap* (TRM) JAKIM.
- 2) **Kompetensi Fungsian Penempatan** ialah kompetensi tertentu bagi memenuhi fungsi tugas jawatan mengikut penempatan pegawai JAKIM termasuk Kader-Kader JAKIM.



Rajah 4: Komponen Kompetensi Fungsian

## Kerangka Kompetensi JAKIM



Rajah 5: Kerangka Kompetensi JAKIM

# STRATEGI PELAKSANAAN KAMUS KOMPETENSI

Dalam usaha meningkatkan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam, pembangunan kompetensi merupakan strategi teras pengurusan sumber manusia. Kompetensi penjawat awam menjadi faktor utama dalam menentukan kapasiti dan keberkesanan perkhidmatan awam. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) menetapkan definisi Kompetensi Perkhidmatan Awam bagi Pegawai Hal Ehwal Islam seperti berikut;

Pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi pegawai yang perlu untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab sesuatu jawatan.

## Pelaksanaan Kamus Kompetensi

Pelaksanaan Kamus Kompetensi perkhidmatan Hal Ehwal Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) diharap akan mewujudkan persekitaran yang mempunyai interaksi antara ciri-ciri peribadi, pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan Pegawai Hal Ehwal Islam.

Kamus Kompetensi boleh membantu menyesuaikan semula peranan organisasi dan juga menyesuaikan sumber manusia (*best match*) dengan strategi organisasi. Kepentingan kompetensi dalam pengurusan sumber manusia adalah kemampuannya membezakan tahap prestasi antara seseorang pekerja dengan pekerja yang lain. Pegawai perkhidmatan Hal Ehwal Islam perlu mempunyai kompetensi yang diperlukan oleh sesuatu jawatan bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan berkesan seterusnya meningkat produktiviti dan prestasi perkhidmatan Hal Ehwal Islam.

Kamus Kompetensi ini perlu dibaca bersama *Training Roadmap* (TRM) atau Pelan Latihan JAKIM bagi melaksanakan latihan dalam melengkapkan kompetensi pegawai.

# SENARAI KOMPETENSI TERAS GENERIK

Kompetensi Teras Generik bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pelaksana di JAKIM adalah seperti berikut;

## Kompetensi Teras Generik Kumpulan Pengurusan dan Profesional

KOMPETENSI TERAS GENERIK (Kumpulan Pengurusan dan Profesional)	
1	Pengurusan Organisasi dan Sumber Manusia
2	Pengurusan Kewangan
3	Pengurusan Komunikasi
4	Orientasi Keberhasilan
5	Orientasi Pembelajaran
6	Pemikiran Inovatif
7	Penekanan kepada Pelanggan
8	Sensitiviti Persekitaran
9	Pentadbiran Kewangan dan Aset
10	Kepimpinan Berpasukan
11	Protokol dan Etiket Sosial
12	Pelaksanaan Dasar
13	Pemikiran Analitik
14	Pengurusan Acara Rasmi
15	Pengurusan Operasi
16	Penulisan Dokumen Rasmi
17	Penyampaian dan Pengucapan Awam
18	Penyelesaian Masalah
19	Memberi Bimbingan
20	Membuat Keputusan
21	Mengurus Perubahan
22	Pemikiran Kritis
23	Pengurusan Sumber Manusia
24	Perundingan
25	Kolaborasi Strategik
26	Memacu Perubahan
27	Membina Pemimpin
28	Memimpin Kecemerlangan Organisasi
29	Pemikiran Strategik
30	Penggubalan dan Penguatkuasaan Dasar



31	Pengurusan Pemegang Kepentingan
32	Profesionalisme
33	Pengurusan Bajet

## Kompetensi Teras Generik Kumpulan Pelaksana

### KOMPETENSI TERAS GENERIK (Kumpulan Pelaksana)

1	Pengurusan Acara Rasmi
2	Pengurusan Program
3	Penulisan Dokumen Rasmi
4	Penyampaian dan Pengucapan Awam
5	Penyelesaian Masalah

# SENARAI KOMPETENSI TERAS UTAMA

## Senarai Kompetensi Teras Utama Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Lantikan Baharu)

### KOMPETENSI TERAS UTAMA (Pelantikan Baharu Gred 41)

1	<i>i-Qawiy Al-Amin</i> (Kepimpinan)
---	-------------------------------------

## Senarai Kompetensi Teras Utama Kumpulan Pelaksana (Lantikan Baharu)

### KOMPETENSI TERAS UTAMA (Pelantikan Baharu Gred 29)

1	<i>i-Qawiy Al-Amin</i> (Kepimpinan dan Kepengikutan)
---	--

### KOMPETENSI TERAS UTAMA (Pelantikan Baharu Gred 19)

1	<i>i-Qawiy Al-Amin</i> (Kepengikutan)
---	---------------------------------------

# TAHAP KECEKAPAN KOMPETENSI

Tahap-tahap kecekapan kompetensi ini dibahagikan kepada dua (2) kategori:

- a) Kumpulan Pengurusan dan Profesional
- b) Kumpulan Pelaksana

## Tahap Kecekapan Kompetensi Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Tahap-tahap kecekapan kompetensi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dibahagikan kepada empat (4) peringkat bagi setiap kompetensi seperti berikut;



### Tahap 1: Berpengetahuan

Mempunyai **pengetahuan mengenai sesuatu kompetensi** dan memerlukan **seliaan** dan **bimbingan** untuk mengaplikasi kompetensi tersebut dalam **situasi mudah** dengan **seliaan** dan **bimbingan**.




### Tahap 2: Berkebolehpayaan

Mempunyai **pengetahuan mengenai sesuatu kompetensi** dan mampu mengaplikasikan kompetensi tersebut dalam **situasi rutin** atau **mudah** tanpa **seliaan** dan **bimbingan**.



### Tahap 3: Berkemahiran

Mempunyai **pengetahuan mendalam mengenai sesuatu kompetensi** dan **boleh mengaplikasikan** kompetensi tersebut dalam **situasi mencabar**.



### Tahap 4: Berkepakaran

Mempunyai **pengetahuan tinggi** mengenai sesuatu kompetensi, **mampu mengaplikasi** kompetensi tersebut dalam **situasi yang kompleks** dan **mampu menghasilkan produk, alatan, kaedah** dan sebagainya yang berkaitan dengan kompetensi berkenaan.

## Tahap Kecekapan Kompetensi Kumpulan Pelaksana

Tahap-tahap kecekapan kompetensi Kumpulan Pelaksana dibahagikan kepada tiga (3) peringkat bagi setiap kompetensi seperti berikut;



### Tahap 1: Asas

Mempunyai **pengetahuan asas** mengenai sesuatu **kompetensi** dan memerlukan **seliaan** dan **bimbingan** untuk **mengaplikasi kompetensi** tersebut dalam **situasi mudah**.



### Tahap 2: Berkebolehan

Mempunyai **pengetahuan** mengenai sesuatu **kompetensi** dan **mampu mengaplikasikan kompetensi** tersebut dalam **situasi rutin** atau **mudah** dengan **seliaan** dan **bimbingan** yang **minima**.



### Tahap 3: Cekap

Mempunyai **pengetahuan mendalam** mengenai sesuatu **kompetensi** dan **cekap mengaplikasikan kompetensi** tersebut.

# PEMETAAN SKALA TAHAP KECEKAPAN KOMPETENSI

Pemetaan Skala Tahap Kecekapan Kompetensi bagi Kompetensi Teras Generik dan Kompetensi Fungsian setiap gred dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah seperti berikut;

## Pemetaan Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Skala			
1	2	3	4
Berpengetahuan	Berkebolehpayaan	Berkemahiran	Berkepakaran

## Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Teras Generik Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Bil	Kompetensi Teras Generik	Gred				
		41	44	48	52	54
1	Pengurusan Organisasi dan Sumber Manusia	1	2	3	4	4
2	Pengurusan Kewangan	1	2	3	4	4
3	Pengurusan Komunikasi	1	2	3	4	4
4	Orientasi Keberhasilan	1	2	3	4	4
5	Orientasi Pembelajaran	1	2	3	4	4
6	Pemikiran Inovatif	1	2	3	4	4
7	Penekanan kepada Pelanggan	1	2	3	4	4
8	Sensitiviti Persekitaran	1	2	3	4	4
9	Pentadbiran Kewangan dan Aset	1	2	3	4	4
10	Kepimpinan Berpasukan	1	2	3	4	4
11	Protokol dan Etiket Sosial	1	2	3	4	4
12	Pelaksanaan Dasar	1	2	3	4	4
13	Pemikiran Analitik	1	2	3	4	4
14	Pengurusan Acara Rasmi	1	2	3	4	4
15	Penulisan Dokumen Rasmi	1	2	3	4	4
16	Penyampaian dan Pengucapan Awam	1	2	3	4	4
17	Penyelesaian Masalah	1	2	3	4	4
18	Memberi Bimbingan	1	2	3	4	4
19	Membuat Keputusan	1	2	3	4	4
20	Mengurus Perubahan	1	2	3	4	4
21	Pemikiran Kritis	1	2	3	4	4
22	Pengurusan Operasi	1	2	3	4	4
23	Pengurusan Sumber Manusia	1	2	3	4	4

24	Perundingan	1	2	3	4	4
25	Kolaborasi Strategik	1	2	3	4	4
26	Memacu Perubahan	1	2	3	4	4
27	Membina Pemimpin	1	2	3	4	4
28	Memimpin Kecemerlangan Organisasi	1	2	3	4	4
29	Pemikiran Strategik	1	2	3	4	4
30	Penggubalan dan Penguatkuasaan Dasar	1	2	3	4	4
31	Pengurusan Pemegang Kepentingan	1	2	3	4	4
32	Profesionalisme	1	2	3	4	4
33	Pengurusan Bajet	1	2	3	4	4

## Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Teras Utama Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Lantikan Baharu)

Bil	Kompetensi Teras Utama	Gred				
		41	44	48	52	54
1	<i>i-Qawiyy Al-Amin</i> (Kepimpinan)	2	3	4	4	4

## Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Fungsian Khusus Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Bil	Kompetensi Fungsian Khusus	Gred				
		41	44	48	52	54
1	Bidang Teras 1: Al-Quran dan Al-Hadith	2	3	4	4	4
2	Bidang Teras 2: Akidah dan Aliran Pemikiran	2	3	4	4	4
3	Bidang Teras 3: Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)	2	3	4	4	4
4	Bidang Teras 4: Dakwah dan Pembangunan Insan	3	3	4	4	4
5	Bidang Teras 5: Pengurusan <i>Siyasah Syar'iyah</i>	2	3	4	4	4
6	Bidang Teras 6: Muamalat dan Kewangan Islam	2	3	4	4	4
7	Bidang Teras 7: <i>Tarbiyyah</i> dan <i>Tadribiyyah Islamiyyah</i>	2	3	4	4	4
8	Bidang Teras 8: Pengurusan Halal	2	3	4	4	4
9	Bidang Teras 9: Perundangan Islam	2	3	4	4	4



## Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Fungsian Penempatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Bil	Kompetensi Fungsian Penempatan	Gred				
		41	44	48	52	54
<b>1</b>	<b>Sektor Ketua Pengarah</b>					
1.1	Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)	1	2	3	4	4
1.2	Bahagian Undang-undang (BUU)	1	2	3	4	4
1.3	Darul Quran (DQ)	1	2	3	4	4
1.4	Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)	1	2	3	4	4
1.5	Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS)	1	2	3	4	4
1.6	Unit Komunikasi Korporat (UKK)	1	2	3	4	4
1.7	Unit Integriti	1	2	3	4	4
<b>2</b>	<b>Sektor Dasar</b>					
2.1	Bahagian Dasar Kemajuan Islam (BDKI)	1	2	3	4	4
2.2	Bahagian Penyelidikan	1	2	3	4	4
2.3	Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah (BPPPS)	1	2	3	4	4
2.4	Bahagian Keurusetiaan dan Hubungan Luar (BKHL)	1	2	3	4	4
2.5	Sekretariat Majlis Halal Malaysia (MHM)	1	2	3	4	4
2.6	Bahagian Maqasid Syariah	1	2	3	4	4
2.7	Kader JAKIM	1	2	3	4	4
<b>3</b>	<b>Sektor Operasi</b>					
3.1	Bahagian Dakwah	1	2	3	4	4
3.2	Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK)	1	2	3	4	4
3.3	Bahagian Penerbitan	1	2	3	4	4
3.4	Bahagian Penyiaran	1	2	3	4	4
3.5	Bahagian Pendidikan	1	2	3	4	4
3.6	Bahagian Pengurusan Halal (BPH)	1	2	3	4	4
<b>4</b>	<b>Sektor Pengurusan</b>					
4.1	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)	1	2	3	4	4
4.2	Bahagian Pengurusan Maklumat	1	2	3	4	4
4.3	Bahagian Kewangan	1	2	3	4	4
4.4	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	1	2	3	4	4
<b>5</b>	<b>JAKIM Sabah</b>	1	2	3	-	-
<b>6</b>	<b>JAKIM Sarawak</b>	1	2	3	-	-

## Pemetaan Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Kumpulan Pelaksana

Skala		
1	2	3
Asas	Berkebolehan	Cekap

## Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Teras Generik Kumpulan Pelaksana

Bil	Kompetensi Teras Generik	Gred		
		19-26	29	32-40
1	Pengurusan Acara Rasmi	1	2	3
2	Pengurusan Program	1	2	3
3	Penulisan Dokumen Rasmi	1	2	3
4	Penyampaian dan Pengucapan Awam	1	2	3
5	Penyelesaian Masalah	1	2	3

## Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Teras Utama Kumpulan Pelaksana (Lantikan Baharu)

Bil	Kompetensi Teras Utama	Gred	
		19	29
1	<i>i-Qawiyy Al-Amin</i> (Kepimpinan dan Kepengikutan)	-	3
2	<i>i-Qawiyy Al-Amin</i> (Kepengikutan)	3	3

## Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Fungsian Khusus Kumpulan Pelaksana

Bil	Kompetensi Fungsian Khusus	Gred				
		19-26	29	32	38	40
1	Bidang Teras 1: Al-Quran dan Al-Hadith	1	2	2	3	3
2	Bidang Teras 2: Akidah dan Aliran Pemikiran	1	2	2	3	3
3	Bidang Teras 3: Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)	1	2	2	3	3
4	Bidang Teras 4: Dakwah dan Pembangunan Insan	1	2	2	3	3
5	Bidang Teras 5: Pengurusan <i>Siyasah Syar'iyah</i>	1	2	2	3	3
6	Bidang Teras 6: Muamalat dan Kewangan Islam	1	2	2	3	3
7	Bidang Teras 7: <i>Tarbiyyah</i> dan <i>Tadribyyyah Islamiyyah</i>	1	2	2	3	3
8	Bidang Teras 8: Pengurusan Halal	1	2	2	3	3
9	Bidang Teras 9: Perundangan Islam	1	2	2	3	3

## Skala Tahap Kecekapan Kompetensi Fungsian Penempatan Kumpulan Pelaksana

Bil	Kompetensi Fungsian Penempatan	Gred				
		19-26	29	32	38	40
<b>1</b>	<b>Sektor Ketua Pengarah</b>					
1.1	Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)	1	2	2	3	3
1.2	Bahagian Undang-undang (BUU)	1	2	2	3	3
1.3	Darul Quran (DQ)	1	2	2	3	3
1.4	Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)	1	2	2	3	3
1.5	Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS)	1	2	2	3	3
1.6	Unit Komunikasi Korporat (UKK)	1	2	2	3	3
1.7	Unit Integriti	1	2	2	3	3
<b>2</b>	<b>Sektor Dasar</b>					
2.1	Bahagian Dasar Kemajuan Islam (BDKI)	1	2	2	3	3
2.2	Bahagian Penyelidikan	1	2	2	3	3
2.3	Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah (BPPPS)	1	2	2	3	3
2.4	Bahagian Keurusetiaan dan Hubungan Luar (BKHL)	1	2	2	3	3
2.5	Sekretariat Majlis Halal Malaysia (MHM)	1	2	2	2	3
2.6	Bahagian Maqasid Syariah	1	2	2	3	3
2.7	Kader JAKIM	1	2	2	3	3
<b>3</b>	<b>Sektor Operasi</b>					
3.1	Bahagian Dakwah	1	2	2	3	3
3.2	Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK)	1	2	2	3	3
3.3	Bahagian Penerbitan	1	2	2	3	3
3.4	Bahagian Penyiaran	1	2	2	3	3
3.5	Bahagian Pendidikan	1	2	2	3	3
3.6	Bahagian Pengurusan Halal (BPH)	1	2	2	3	3
<b>4</b>	<b>Sektor Pengurusan</b>					
4.1	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)	1	2	2	3	3
4.2	Bahagian Pengurusan Maklumat	1	2	2	3	3
4.3	Bahagian Kewangan	1	2	2	3	3
4.4	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	1	2	2	3	3
<b>5</b>	<b>JAKIM Sabah</b>	1	2	2	3	3
<b>6</b>	<b>JAKIM Sarawak</b>	1	2	2	3	3





**KOMPETENSI TERAS  
GENERIK  
KUMPULAN PENGURUSAN DAN  
PROFESIONAL**



## Kompetensi: Pengurusan Organisasi dan Sumber Manusia

<b>Komponen Kompetensi</b>	Teras
<b>Kategori</b>	Generik
<b>Nama Kompetensi</b>	Pengurusan Organisasi dan Sumber Manusia
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan untuk memahami visi, misi, fungsi serta sumber manusia secara keseluruhan. Ia juga berhubung kait dengan mengenali pihak berkepentingan dan memahami program, dasar, prosedur dan peraturan untuk beroperasi dengan lebih berkesan.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	Semua Bahagian

### Tahap Kecekapan Kompetensi

Berpengentahuan	Berkebolehpupayaan	Berkemahiran	Berkepakaran
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh memahami visi, misi, fungsi-fungsi utama, pihak berkepentingan (<i>stakeholders</i>) serta pengurusan sumber manusia termasuk carta organisasi Jabatan yang dianggotai sekarang.</li> <li>• Boleh menerangkan dan melaksanakan peraturan-peraturan dan perintah am Perkhidmatan Awam yang wajib (kritikal) untuk diketahui oleh setiap Penjawat Awam.</li> <li>• Mematuhi prosedur-prosedur (Manual Prosedur Kerja – MPK) yang telah ditetapkan untuk Organisasi yang sedang dianggotai sekarang.</li> <li>• Berpengentahuan mengenai 'My Portfolio'</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh menentukan tugas-tugas yang perlu dilaksanakan bagi mencapai visi, misi, fungsi-fungsi utama organisasi serta memenuhi pengharapan pihak berkepentingan (<i>stakeholders</i>) serta pengurusan sumber manusia termasuk dengan carta organisasi Jabatan yang dianggotai sekarang.</li> <li>• Boleh menerangkan dan melaksanakan dasar-dasar utama yang wajib (kritikal) untuk diketahui oleh setiap Penjawat Awam dalam Perkhidmatan Awam.</li> <li>• Boleh mengenalpasti dan menyelesaikan isu-isu atau masalah pelaksanaan peranan tugas seharian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berupaya untuk mengenal pasti dan mengatasi isu-isu dan cabaran masa kini dan masa hadapan (dalaman dan luaran) yang memberikan impak terhadap pencapaian misi, visi Organisasi dan pengurusan sumber manusia.</li> <li>• Boleh mematuhi, menguatkuasa dan menambah baik dasar-dasar utama dan peraturan-peraturan Perkhidmatan Awam.</li> <li>• Berupaya menerangkan penambakan Pelan dan Program-Program Strategik Organisasi secara terperinci dan jelas.</li> <li>• Memberikan cadangan-cadangan bernas yang boleh meningkatkan tahap penyampaian berkesan kepada masyarakat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berupaya menganalisis dan menilai visi dan misi Jabatan dan Perkhidmatan Awam secara terperinci untuk menzahirkan idea-idea baharu yang relevan.</li> <li>• Menganalisis keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian dan operasi Jabatan dan Perkhidmatan Awam secara keseluruhan.</li> <li>• Memperkenalkan strategi, kaedah-kaedah baharu dan/ atau penggunaan teknologi untuk membangun dan membina keberkesanan dan kecekapan Organisasi secara menyeluruh selaras dengan keperluan masa depan Jabatan dan Perkhidmatan Awam.</li> </ul>



## Kompetensi: Pengurusan Kewangan

<b>Komponen Kompetensi</b>	Teras
<b>Kategori</b>	Generik
<b>Nama Kompetensi</b>	Pengurusan Kewangan
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan untuk memahami dasar, prosedur dan peraturan serta pengurusan kewangan kerajaan seperti pengurusan belanjawan, hasil, perolehan, belanja, perakaunan dan aset.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	Semua Bahagian

### Tahap Kecekapan Kompetensi

Berpengalaman	Berkebolehpayaan	Berkemahiran	Berkepakaran
<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh memahami dasar, prosedur dan peraturan serta pengurusan kewangan kerajaan seperti pengurusan belanjawan, hasil, perolehan, belanja, perakaunan dan aset Jabatan.</li> <li>Boleh menerangkan dan melaksanakan dasar, prosedur dan peraturan serta pengurusan kewangan kerajaan yang wajib (kritikal) untuk diketahui oleh setiap Penjawat Awam.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh menerangkan dan melaksanakan dasar, prosedur dan peraturan serta pengurusan kewangan kerajaan yang wajib (kritikal) untuk diketahui oleh setiap Penjawat Awam.</li> <li>Boleh menerangkan dan merancang pengurusan kewangan bagi mencapai sasaran dan matlamat Rancangan Malaysia dan Jabatan.</li> <li>Boleh mengenalpasti dan menyelesaikan isu-isu atau masalah pelaksanaan pengurusan kewangan tugas seharian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berupaya untuk mengenal pasti dan mengatasi isu-isu dan cabaran masa kini dan masa hadapan yang memberikan impak terhadap pengurusan kewangan organisasi.</li> <li>Boleh mematuhi, menguatkuasa dan menambah baik dasar-dasar utama dan peraturan-peraturan pengurusan kewangan kerajaan</li> <li>Memberikan cadangan-cadangan bernas yang boleh meningkatkan tahap pengurusan kewangan yang berkesan dalam jabatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berupaya menganalisis dan menilai pengurusan kewangan jabatan secara terperinci untuk menzahirkan idea-idea baharu yang relevan.</li> <li>Menganalisis keberkesanan dan kecekapan sistem pengurusan kewangan Jabatan secara keseluruhan.</li> <li>Memperkenalkan strategi, kaedah-kaedah baharu dan/ atau penggunaan teknologi untuk membangun dan membina keberkesanan dan kecekapan pengurusan kewangan secara menyeluruh selaras dengan keperluan masa depan Jabatan.</li> </ul>

## Kompetensi: Pengurusan Komunikasi

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Pengurusan Komunikasi</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan untuk menguruskan proses komunikasi bagi maksud penyampaian maklumat antara semua pihak melalui pelbagai medium bagi memenuhi keperluan komunikasi dalam pengurusan Jabatan termasuk membuat keputusan penyelesaian masalah, penilaian prestasi, hubungan kerja, proses pengambilan pekerja, latihan, disiplin kerja pengumpulan sebaran maklumat, pencapaian objektif, dorongan, alat kawalan dan lain-lain.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecekapan Kompetensi

<b>Berpengertian</b>	<b>Berkebolehpayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Berkebolehan memberikan penjelasan dan penerangan dengan jelas, mudah difahami dan sampai kepada sasaran.</li> <li>Berupaya memberikan maklum balas secara tepat dan berhemah.</li> <li>Berupaya mendengar dan memahami serta dapat memberi tindak balas kepada mesej yang diterima.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berupaya mendengar dengan teliti dan penuh perhatian untuk mengenal pasti isu-isu sebenar.</li> <li>Menyampaikan mesej dengan jelas, menggunakan nada suara yang betul dan bahasa badan yang sesuai dengan latar belakang dan keperluan kumpulan sasaran.</li> <li>Menyokong mesej dengan data atau maklumat yang relevan untuk mewujudkan komunikasi yang berkesan.</li> <li>Menggunakan teknik-teknik yang sesuai untuk membina hubungan komunikasi yang harmoni.</li> <li>Mempamer imej diri yang positif dan profesional.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berupaya mendengar dengan sabar dan tenang serta mampu berhadapan dengan isu-isu komunikasi yang mencabar dan kompleks.</li> <li>Menganalisis maklumat, mentafsir dan memberikan respon yang tepat dan bersesuaian mengenai isu-isu komunikasi yang mencabar dan kompleks dalam dan luar jabatan.</li> <li>Menganalisis maklumat, mentafsir dan memberikan respon yang tepat dan bersesuaian mengenai isu-isu komunikasi yang mencabar dan kompleks.</li> <li>Menguasai kemahiran rundingan dan mampu menjadi perantara (mediator) bagi menyelesaikan konflik komunikasi dalam pasukan.</li> <li>Berkemahiran mendapatkan idea, pandangan atau maklumat bagi mencapai penyelesaian isu-isu komunikasi secara berkesan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berkemahiran tinggi menganalisis maklumat, mentafsir dan memberikan respon yang tepat dan bersesuaian mengenai isu-isu komunikasi yang mencabar dan kompleks dalam dan luar jabatan.</li> <li>Berupaya memahami dan menilai profil, kelemahan dan kekuatan kumpulan sasaran berprofil tinggi serta mengaplikasikan teknik atau kaedah efektif komunikasi bagi melahirkan persefahaman dan suasana harmoni serta perhubungan berterusan yang positif dan berkesan.</li> <li>Membangunkan kaedah atau teknik terbaru dan lebih berkesan bagi memantapkan pengurusan komunikasi.</li> </ul>

## Kompetensi: Orientasi Keberhasilan

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Orientasi Keberhasilan</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan menjana tenaga, komitmen dan kesungguhan pasukan yang berterusan serta mengatasi menghadapi halangan yang mencabar dan kompleks untuk mencapai sasaran, pencapaian hasil yang berkualiti dan piawaian yang diperlukan.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecakapan Kompetensi

<b>Berpengertian</b>	<b>Berkebolehpayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan sasaran kerja yang ditetapkan.</li> <li>Bersedia menerima dan melaksanakan arahan yang diberikan oleh ketua secara berkesan.</li> <li>Bersedia menerima teguran dan ulasan mengenai prestasi kerja secara terbuka dengan tujuan untuk memperbaiki diri.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merancang dan mengurus aktiviti, masa dan tindakan kerja selaras dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan sasaran kerja.</li> <li>Berupaya melaksanakan aktiviti yang dirancang untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan dalam tempoh diberikan.</li> <li>Berupaya menyelesaikan isu dan masalah yang wujud dalam pelaksanaan tugas.</li> <li>Berupaya mengurus emosi, disiplin dan motivasi diri dalam situasi tertekan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berupaya memastikan perancangan dan pelaksanaan strategik organisasi untuk mencapai kecemerlangan prestasi yang tinggi.</li> <li>Berupaya menggerak dan mewujudkan pasukan bermotivasi tinggi untuk mencapai sasaran dan matlamat organisasi.</li> <li>Berupaya menilai, memperbaiki dan menggunakan teknik serta kaedah yang bersesuaian untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pasukan khususnya dalam situasi kompleks dan tertekan.</li> <li>Berpandangan jauh serta berupaya menanda aras pembaharuan dan amalan baik untuk diadaptasi oleh organisasi bagi kecemerlangan berterusan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berupaya mewujudkan budaya berprestasi tinggi agar sentiasa melangkaui ekspektasi untuk kecemerlangan organisasi.</li> <li>Menetapkan dan menggariskan strategi terbaik untuk mencapai hala tuju jabatan.</li> <li>Berupaya mencari peluang-peluang baharu melalui pendekatan inovatif untuk meningkatkan keberhasilan organisasi disebalik situasi kompleks dan tertekan.</li> <li>Mengiktiraf dan menghargai pembaharuan dan inovasi sebagai tanda aras untuk mewujudkan budaya berprestasi tinggi.</li> <li>Menggalakkan dan berupaya mempengaruhi pasukan untuk sentiasa menambah baik sistem pengurusan organisasi secara lebih sistematik dan menyeluruh.</li> </ul>

## Kompetensi: Orientasi Pembelajaran

<b>Komponen Kompetensi</b>	Teras
<b>Kategori</b>	Generik
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Orientasi Pembelajaran</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan mencari dan mendapatkan maklumat, pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan daya saing diri serta menggunakan ilmu, maklumat dan kemahiran tersebut bagi menambah baik kualiti diri, hasil kerja dan pencapaian organisasi.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	Semua Bahagian

### Tahap Kecekapan Kompetensi

Berpengalaman	Berkebolehpayaan	Berkemahiran	Berkepakaran
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menambah ilmu pengetahuan berkaitan organisasi, tugas dan tanggungjawab.</li> <li>Melaksanakan tugas harian berdasarkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan cekap dan berkesan.</li> <li>Mendapatkan tunjuk ajar daripada ketua/ penyelia bagi menyelesaikan tugas dalam situasi baharu.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bersedia berkongsi ilmu pengetahuan dengan ahli kumpulan/ rakan sekerja.</li> <li>Berupaya mengenal pasti peluang untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan diri.</li> <li>Mempraktikkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang baharu untuk menambah baik kualiti diri, hasil kerja dan prestasi kumpulan.</li> <li>Sentiasa peka dan menerokai sebarang perubahan persekitaran.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berusaha memperluas dan meningkatkan ilmu pengetahuan melalui perkongsian dengan kumpulan pakar.</li> <li>Mendalami isu-isu yang mencabar dan kompleks untuk meningkatkan tahap kepakaran diri.</li> <li>Menerokai amalan terbaik dan mengenal pasti peluang-peluang meningkatkan daya saing diri bagi membantu pencapaian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembudayaan pembelajaran dalam organisasi.</li> <li>Menggalakkan peningkatan keupayaan pembelajaran dalam organisasi.</li> <li>Menyerlahkan kredibiliti sebagai role model dan pemikir dalam bidang kepakarannya.</li> <li>Memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat dan peningkatan kompetensi individu dan pasukan secara sendiri menerusi pendekatan <i>Learning Organisation</i> di dalam Jabatan secara keseluruhan.</li> </ul>

## Kompetensi: Pemikiran Inovatif

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Pemikiran Inovatif</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan mencari dan mendapatkan maklumat, pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan daya saing diri serta menggunakan ilmu, maklumat dan kemahiran tersebut bagi menambah baik kualiti diri, hasil kerja dan pencapaian organisasi.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecakapan Kompetensi

<b>Berpengalaman</b>	<b>Berkebolehpayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami dan menyokong konsep dan inisiatif inovasi dalam menjalankan tugas.</li> <li>Mengambil inisiatif untuk menambah baik proses dan pelaksanaan tugas.</li> <li>Menyokong pelaksanaan aktiviti atau usaha inovasi bagi memperbaiki proses kerja yang diperkenalkan di jabatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mencadangkan idea atau kaedah baharu atau inovatif yang boleh menyelesaikan masalah atau menambah baik prestasi dan kualiti kerja.</li> <li>Penglibatan aktif dalam pelaksanaan aktiviti atau usaha inovasi bagi memperbaiki proses dan cara kerja yang diperkenalkan oleh jabatan.</li> <li>Bersedia menyumbang tenaga dan masa untuk merealisasikan pelaksanaan inovasi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berupaya menganalisis dan mengenal pasti serta menghapuskan kaedah/prosedur/proses yang lapuk untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan.</li> <li>Merancang dan melaksanakan strategi, program, kaedah atau proses baharu yang inovatif bagi memperbaiki perkhidmatan dan prestasi.</li> <li>Mencetus idea atau bentuk inovasi yang diperlukan oleh organisasi di masa hadapan secara jangka panjang.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menerajui dan menjuarai pengurusan inovasi organisasi.</li> <li>Memudahcara dan membina keupayaan organisasi untuk penjaanaan dan pelaksanaan idea dan inovasi.</li> <li>Berkemahiran mewujudkan budaya inovasi yang fleksibel dan responsif di setiap peringkat untuk memenuhi kehendak perubahan dan trend masa hadapan organisasi.</li> </ul>



## Kompetensi: Penekanan Kepada Pelanggan

<b>Komponen Kompetensi</b>	Teras
<b>Kategori</b>	Generik
<b>Nama Kompetensi</b>	Penekanan Kepada Pelanggan
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan mengenali dan memahami serta keperluan pelanggan dalaman dan luaran, memberikan perkhidmatan kepada pelanggan pada tahap dan hasil yang berkualiti dan diharapkan, berupaya berkomunikasi dengan sopan dan berkesan.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	Semua Bahagian

### Tahap Kecekapan Kompetensi

Berpengetahuan	Berkebolehpayaan	Berkemahiran	Berkepakaran
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami keperluan dan ekspektasi pelanggan terhadap jabatan.</li> <li>Memahami intipati dan mesej piagam pelanggan secara keseluruhan ke arah melaksanakan tugas dan tanggungjawab jawatan secara berkesan.</li> <li>Melaksanakan tugas rutin selaras dengan prosedur kerja yang standard dalam memberi penjelasan kepada pelanggan dan mematuhi Piagam Pelanggan yang telah ditetapkan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berupaya mencapai sasaran kerja yang telah ditetapkan bagi mencapai tahap perkhidmatan yang diperlukan.</li> <li>Berupaya mengamalkan komunikasi secara bersemuka, penulisan atau telefon dengan pelanggan berbandukan etika, peraturan dan protokol yang bersesuaian.</li> <li>Berupaya menyediakan maklum balas dan cadangan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan pelanggan kepada ketua/penyelia.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenali dan memahami keperluan dan ekspektasi pelanggan yang berprofil tinggi dalam pelbagai situasi dan tuntutan yang lebih mencabar dan kompleks.</li> <li>Mengkaji, menganalisis dan mengenal pasti isu-isu di luar skop piagam pelanggan yang memberi impak secara langsung atau tidak langsung kepada pelanggan serta mencadangkan penyelesaian dan pelaksanaannya.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggerakkan strategi dan pembudayaan perkhidmatan pelanggan secara berkesan di semua peringkat dalam jabatan.</li> <li>Memperkenalkan model atau sistem pengurusan serta program pembangunan perkhidmatan pelanggan yang komprehensif dan berpandukan data profil kumpulan sasaran.</li> <li>Mengambil langkah-langkah intervensi yang proaktif dan konstruktif untuk menangani isu-isu berbangkit.</li> </ul>



## Kompetensi: Sensitiviti Persekitaran

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Sensitiviti Persekitaran</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan untuk memahami faktor-faktor persekitaran (luaran) yang mempunyai impak secara langsung dan tidak langsung kepada kesejahteraan semua pihak di pelbagai peringkat. Berupaya untuk mengenal pasti dan menangani potensi risiko dari persekitaran. Berupaya untuk mengenal pasti dan memanfaatkan peluang serta faktor persekitaran dan sumber sekeliling.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecapaian Kompetensi

<b>Berpengatahuan</b>	<b>Berkebolehpayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami secara umum faktor-faktor persekitaran yang berpotensi mempengaruhi tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam.</li> <li>Peka terhadap perubahan dan perkembangan semasa yang berpotensi memberi impak kepada perkhidmatan dan pihak berkaitan.</li> <li>Menyesuaikan perancangan dan tindakan berdasarkan perkembangan persekitaran semasa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merancang dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan mengambil kira perubahan dan perkembangan semasa yang berpotensi memberi impak kepada perkhidmatan dan pihak berkaitan.</li> <li>Memberikan justifikasi terhadap keperluan sesuatu tindakan yang berkaitan dengan perubahan persekitaran.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengkaji, menganalisis dan merumuskan perubahan perkhidmatan persekitaran dan melaraskannya dengan keperluan organisasi pelbagai jangka.</li> <li>Mempengaruhi pihak terbabit untuk melaksanakan perubahan persekitaran.</li> <li>Berupaya menggerakkan pasukan untuk merancang dan menjayakan strategi dan pelan tindakan bagi merubah persekitaran.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengkaji, menganalisis dan merumuskan keperluan mencipta persekitaran luaran yang baru selaras dengan keperluan organisasi pelbagai jangka.</li> <li>Membangunkan pendekatan, strategi, model, mekanisme, sistem dan cara kerja baharu pelbagai jangka untuk mewujudkan persekitaran luaran yang baharu selaras dengan hala tuju baharu organisasi yang lebih kondusif serta menangani faktor-faktor persekitaran.</li> </ul>

## Kompetensi: Pentadbiran Kewangan dan Aset

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Pentadbiran Kewangan dan Aset</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan merancang dan memperoleh sumber kewangan dan aset selaras dengan keperluan organisasi. Mengawal dan memantau penggunaan sumber kewangan dan aset secara optimum.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecekapan Kompetensi

<b>Berpengalaman</b>	<b>Berkebolehubayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Merancang keperluan kewangan tahunan bahagian atau jabatan dengan mengenal pasti program-program, aktiviti-aktiviti dan kegunaan sumber yang memerlukan pembiayaan kewangan.</li> <li>Menyediakan kertas cadangan untuk memohon peruntukan sumber kewangan untuk kegunaan operasi bahagian atau jabatan dalam tempoh yang ditetapkan.</li> <li>Merancang, memantau dan mengawal perbelanjaan kewangan bahagian dan jabatan secara berhemah dan menurut keutamaan yang diluluskan berpandukan Arahan Perbendaharaan berkaitan.</li> <li>Menyemak dan meneliti kewajaran alasan dan kesahihan dokumen-dokumen bagi setiap permohonan untuk perolehan produk dan perkhidmatan mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan.</li> <li>Mengawal selia penggunaan, audit aset, cara penyimpanan dan pengeluaran aset serta penganggaran aset menurut prosedur yang ditetapkan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meneliti laporan varians (perbezaan di antara kos perbelanjaan sebenar dan peruntukan diluluskan) dan mencadangkan tindakan yang sesuai untuk diambil bagi menangani isu tersebut.</li> <li>Merancang penggunaan kewangan dan aset mengikut keutamaan, kesesuaian fungsi dan keperluan operasi untuk kegunaan optimum dan mengelakkan pembaziran.</li> <li>Melapor sebarang aktiviti atau transaksi yang meragukan atau tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan kepada pihak pengurusan untuk tindakan seterusnya.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merancang dan melaksana strategi bagi memperoleh dana kewangan yang mencukupi bagi membiayai operasi atau projek selaras dengan keperluan jabatan.</li> <li>Mengenal pasti cara-cara kreatif untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penggunaan sumber dan mengawal kos operasi bahagian atau jabatan.</li> <li>Mengkaji, mengenal pasti dan menganalisis punca-punca berlakunya ketirisan sistem penyampaian dan mencadangkan langkah-langkah intervensi kekal untuk menghalang ketirisan tersebut berulang.</li> <li>Membuat analisis dapatan audit dan merancang tindakan penambahbaikan beserta tindakan pencegahan dalam menjaga penyelewengan aset.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan aplikasi teknologi maklumat dalam menganalisis dan menilai maklumat kewangan dan juga dalam membuat anggaran atau jangkaan perbelanjaan dan pendapatan organisasi.</li> <li>Memperkenalkan sistem, kaedah dan tatakarya baharu untuk membangunkan sistem pengurusan kewangan dan aset yang mampan.</li> <li>Memantapkan pembangunan dan penggunaan sistem atau aplikasi teknologi dalam jabatan bagi membantu pengurusan kewangan dan aset yang lebih tepat, cekap dan berkesan.</li> <li>Berkongsi kepakaran dan pengalaman dengan bahagian lain untuk membantu memantapkan sistem pengurusan kewangan dan aset.</li> </ul>

## Kompetensi: Kepimpinan Berpasukan

<b>Komponen Kompetensi</b>	Teras
<b>Kategori</b>	Generik
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Kepimpinan Berpasukan</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan menggerakkan pasukan menggunakan pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai misi organisasi. Berkeupayaan mempengaruhi pasukan untuk bertindak mencapai keberhasilan. Berkeupayaan membina penglibatan dalam pasukan melalui teknik-teknik intervensi seperti kemahiran mendengar, komunikasi dan penyelesaian masalah.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecekapan Kompetensi

Berpengalaman	Berkebolehubayaan	Berkemahiran	Berkepakaran
<ul style="list-style-type: none"> <li>Berkeupayaan menyusun dan membahagikan tugasan bagi setiap ahli kumpulan secara berkesan menurut pelan yang telah ditetapkan.</li> <li>Menggunakan teknik-teknik komunikasi berkesan dalam memberi dan menerima maklumat atau maklum balas mengenai hal-hal berkaitan pasukan.</li> <li>Merujuk kepada ketua/penyelia hal-hal yang dibangkitkan oleh ahli pasukan yang memerlukan intervensi pihak yang mempunyai kuasa untuk membuat keputusan muktamad.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merancang pelan operasi dan mengawal operasi pasukan supaya mencapai sasaran yang ditetapkan.</li> <li>Berkeupayaan menjelaskan kepada ahli kumpulan tentang rasional di sebalik setiap keputusan atau arahan yang dibuat.</li> <li>Berkeupayaan memberikan rangsangan motivasi kepada ahli-ahli pasukan.</li> <li>Menyediakan sumber, peralatan dan bantuan yang memadai untuk membolehkan pasukan beroperasi dengan cekap dan berkesan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberikan kuasa kepada ahli pasukan mengikut kemampuan individu dalam melaksanakan tugas dan menetapkan kebertanggungjawaban individu terhadap keberhasilan tugas-tugas tersebut.</li> <li>Memantau tahap pencapaian setiap ahli pasukan dan melakukan intervensi berkesan dan tepat pada masanya apabila pencapaian tersebut didapati di bawah tahap yang ditetapkan.</li> <li>Melibatkan ahli pasukan dalam menentukan keputusan atau penyelesaian masalah untuk mencapai keputusan atau penyelesaian yang terbaik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menganalisis budaya kerja berpasukan dalam organisasi dan meninjau secara proaktif peluang-peluang yang boleh dimanfaatkan untuk melonjakkan budaya kerja berpasukan dalam organisasi.</li> <li>Mengamalkan gaya kepimpinan yang bersesuaian dengan keperluan situasi dan masa untuk menggerakkan kerjasama antara pelbagai unit dan pasukan dalam organisasi menjamin kesinambungan pencapaian misi jabatan.</li> <li>Mengambil pendekatan tidak ortodoks atau drastik untuk menangani situasi yang jarang ditemui atau kompleks dan mengalakkan setiap pasukan dalam jabatan untuk berfikir di luar kotak supaya dapat mengatasi cabaran-cabaran masa hadapan yang boleh menjejaskan keberkesanan jabatan.</li> </ul>

## Kompetensi: Protokol dan Etiket Sosial

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Protokol dan Etiket Sosial</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan merancang, melaksana dan menilai program serta acara-acara rasmi dan tidak rasmi. Memahami kemahiran sosial, amalan protokol, aspek etika dan ketrampilan diri yang sesuai semasa menguruskan acara dan aktiviti. Menguruskan aktiviti mengikut prosedur, etika dan protokol yang sesuai untuk mengekalkan hubungan profesional sepanjang acara tersebut.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecekapan Kompetensi

<b>Berpengetahuan</b>	<b>Berkebolehpayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami kemahiran perhubungan, prosedur, etiket sosial, konsep ketrampilan diri dan amalan protokol yang wajib dituruti mengikut kesesuaian dalam urusan harian rasmi dan tidak rasmi.</li> <li>Melaksanakan dan menyempurnakan aktiviti-aktiviti yang ditugaskan oleh ketua/ penyelia serta merujuk kepada ketua/ penyelia mengenai isu-isu berbangkit yang tidak dijangka.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengumpul maklumat tepat, sahih dan terperinci mengenai amalan protokol dalam urusan harian rasmi dan tidak rasmi yang akan diuruskan untuk dikongsi semasa mesyuarat pemula.</li> <li>Merancang dan meyiapkan pelan tugas, aktiviti-aktiviti yang perlu dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas mengenai urusan harian rasmi dan tidak rasmi tersebut.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merangka, mengkaji, menganalisis dan merumus strategi dan pelan pengurusan acara yang sesuai ke arah merealisasikan keberhasilan dan matlamat acara yang berimpak tinggi.</li> <li>Mengawasi kelancaran pengurusan acara rasmi dan tidak rasmi, memberi maklum balas dan mencadangkan penambahbaikan atau perubahan perjalanan acara rasmi dan tidak rasmi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berkeupayaan menerajui amalan protokol dalam acara rasmi dan tidak rasmi di bawah seliaan dengan cekap dan berkesan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.</li> <li>Melakukan intervensi langsung untuk mengelak berlakunya kepincangan kepada acara rasmi dan tidak rasmi.</li> </ul>

## Kompetensi: Pelaksanaan Dasar

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Pelaksanaan Dasar</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan memahami dan mengambil tindakan-tindakan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan. Keupayaan menyediakan program/ strategi untuk mencapai matlamat dasar.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecekapan Kompetensi

<b>Berpengertian</b>	<b>Berkebolehpayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami dasar-dasar awam yang membabitkan tanggungjawab individu.</li> <li>Melaksanakan dan menyempurnakan tugas-tugas mengikut garis panduan dan tatacara yang ditetapkan.</li> <li>Merujuk kepada ketua/penyelia mengenai kesesuaian dan aplikasi dasar apabila berhadapan dengan situasi yang bukan rutin.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami semua dasar-dasar perkhidmatan awam dan dasar-dasar jabatan yang berkaitan tugas dan tanggungjawab unit atau bahagian masing-masing.</li> <li>Memahami maksud dan latar belakang disebalik penggabalan sesuatu dasar dan tujuan yang ingin dicapai melalui pelaksanaan dasar tersebut.</li> <li>Melaksanakan dasar-dasar berkaitan di peringkat unit atau pasukan kerja.</li> <li>Merujuk kepada ketua/penyelia hal-hal berbangkit yang memerlukan pentafsiran dan penjelasan dasar-dasar berkaitan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat rujukan kepada dasar-dasar berkaitan yang mampu menyokong dan mengesahkan maksud dan tujuan dasar yang hendak dilaksanakan.</li> <li>Menggunakan budi bicara dan kefahaman mengenai maksud dan tujuan sesuatu dasar apabila berhadapan dengan situasi rutin yang tidak dinyatakan secara jelas tatacara aplikasi.</li> <li>Melaksanakan dan menyempurnakan sesuatu atau tindakan dalam situasi mencabar bersandarkan kefahaman yang diperolehi hasil daripada perbandingan dasar-dasar berkaitan.</li> <li>Memantau, mengawal dan menguatkuasa pelaksanaan dasar-dasar oleh pegawai bawahannya untuk memastikan matlamat dasar-dasar berkenaan tercapai.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menilai dan menyemak dasar-dasar operasi jabatan dan memberikan cadangan dan pandangan konstruktif kepada pihak atasan untuk menambah baik, memantapkan proses dan tatacara pelaksanaan di dalam jabatan.</li> <li>Berkongsi kepakaran dan pengalaman dengan agensi/bahagian untuk menyeragamkan tatacara pelaksanaan dasar di serata jabatan atau perkhidmatan awam.</li> <li>Memperkenalkan sistem, kaedah, tata kerja baharu dan amalan terbaik untuk memantapkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan dasar di peringkat organisasi.</li> </ul>



## Kompetensi: Pemikiran Analitik

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Pemikiran Analitik</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan melakukan analisis sebab dan kesan ( <i>cause and effect</i> ) ke atas maklumat secara sistematik dan teratur. Mengenal pasti isu-isu utama, menguji hipotesis, mendiagnosis masalah dan peluang, membuat rujukan kukuh daripada maklumat yang ada dan membuat kesimpulan yang logik.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecekapan Kompetensi

<b>Berpengetahuan</b>	<b>Berkebolehpayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami isu atau masalah yang telah dikenal pasti.</li> <li>Mengumpul data atau maklumat yang diperlukan untuk analisis sesuatu isu atau masalah.</li> <li>Menyusun data atau maklumat yang dikumpulkan menurut format atau spesifikasi yang telah ditetapkan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berkeupayaan menganalisis, merumus dan menghasilkan pernyataan masalah (<i>problem statement</i>).</li> <li>Mengenal pasti sebab atau punca dan kesan sesuatu isu atau masalah.</li> <li>Menjana idea dan mengemukakan cadangan-cadangan alternatif bagi penyelesaian sesuatu isu atau masalah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan cadangan penyelesaian yang mengandungi analisis pro dan kontra setiap alternatif.</li> <li>Membangunkan suatu penyelesaian secara bersepadu, holistik dan berkesan kepada masalah yang dikenal pasti.</li> <li>Menilai keberkesanan dan impak pelaksanaan cadangan penyelesaian tersebut.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berupaya menggunakan kaedah sistematik dan aplikasi teknologi maklumat dalam menganalisis isu dan masalah yang dihadapi serta menilai keberkesanan penyelesaiannya.</li> <li>Membangunkan kaedah baharu yang lebih sesuai untuk menganalisis sesuatu masalah, keperluan atau persekitaran organisasi bagi tempoh jangka panjang.</li> <li>Berupaya merumuskan strategi atau kaedah jangka panjang untuk menyelesaikan masalah.</li> </ul>



## Kompetensi: Pengurusan Acara Rasmi

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Pengurusan Acara Rasmi</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan merancang, melaksana dan menilai program serta acara-acara rasmi. Memahami aspek etika dan protokol yang sesuai semasa menguruskan acara rasmi. Menguruskan aktiviti mengikut prosedur, etika dan protokol yang sesuai untuk mengekalkan hubungan profesional sepanjang acara tersebut.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecelakan Kompetensi

<b>Berpengertian</b>	<b>Berkebolehpayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami prosedur, etika dan protokol yang wajib dituruti ketika menguruskan acara rasmi kerajaan.</li> <li>Melaksanakan dan menyempurnakan aktiviti-aktiviti yang ditugaskan oleh ketua/ penyelia.</li> <li>Merujuk kepada ketua/ penyelia mengenai isu-isu berbangkit yang tidak dijangka ketika menguruskan acara rasmi kerajaan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengumpul maklumat tepat, sah dan terperinci mengenai acara rasmi yang akan diuruskan untuk dikongsi semasa mesyuarat pemula.</li> <li>Merancang aktiviti-aktiviti yang perlu dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas acara rasmi tersebut, menyiapkan pelan tugasan, menyediakan anggaran kewangan dan keperluan sumber, dan pelan kontingensi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merangka strategi sesuai ke arah merealisasikan keberhasilan dan matlamat acara yang berimpak tinggi.</li> <li>Mengkaji, menganalisis dan merumus pelan pengurusan acara dan mencadangkan penambahbaikan atau perubahan kepada rancangan asal.</li> <li>Mengawasi kelancaran pengurusan acara rasmi, memberi maklum balas untuk penambahbaikan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berkeupayaan menerajui acara rasmi di bawah seliaan dengan cekap dan berkesan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.</li> <li>Melakukan intervensi langsung untuk mengelak berlakunya kepincangan kepada acara rasmi.</li> </ul>

## Kompetensi: Pengurusan Operasi

<b>Komponen Kompetensi</b>	Teras
<b>Kategori</b>	Generik
<b>Nama Kompetensi</b>	Pengurusan Operasi
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan merancang melaksana dan menilai kecekapan dan keberkesanan operasi Bahagian atau Organisasi. Berupaya mewujudkan dan meningkatkan sistem penyampaian dan perkhidmatan yang cekap.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	Semua Bahagian

### Tahap Kecekapan Kompetensi

Berpengetahuan	Berkebolehpupayaan	Berkemahiran	Berkepakaran
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami pendekatan dan kaedah operasi yang ber sistematik dan berkualiti.</li> <li>Merancang dan melaksana tugas-tugas operasi bahagian menurut pelan dan bidang kuasa yang telah ditetapkan.</li> <li>Memantau dan mengawal selia tugas-tugas pengawal bawahan dan memastikan pelaksanaan tugas-tugas tersebut dibuat mengikut spesifikasi, tahap pencapaian dan tempoh yang telah dipersetujui.</li> <li>Merujuk kepada ketua/penyelia mengenai isu-isu berbangkit yang bukan rutin untuk mencadangkan opsyen-opsyen penyelesaian bagi menangani hal-hal demikian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi dan menerima maklum balas daripada ahli pasukan mengenai isu-isu yang dihadapi, cara-cara penyelesaian yang telah/perlu diambil untuk memperbaiki tahap kecekapan dan keberkesanan operasi bahagian atau jabatan.</li> <li>Menyelidik dan meneliti aduan awam yang diterima dengan tujuan untuk mengenal pasti punca dan cara-cara untuk mempertingkatkan tahap kepuasan pelanggan.</li> <li>Mengambil langkah-langkah proaktif dan konstruktif untuk mengatasi cabaran-cabaran dan halangan-halangan yang berpotensi untuk menjejaskan kelancaran sistem penyampaian perkhidmatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan strategi yang mantap untuk mempertingkatkan kecekapan perancangan dan pelaksanaan operasi bahagian atau jabatan.</li> <li>Mengkaji dan menganalisis operasi bahagian atau jabatan dan mencadangkan langkah-langkah proaktif dan konstruktif untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi terutamanya dari sudut kos, penggunaan sumber dan masa.</li> <li>Membangunkan pelan tindakan susulan untuk mengurus impak dan implikasi yang terhasil akibat pelaksanaan langkah-langkah peningkatan prestasi bahagian atau jabatan yang baharu.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan model operasi yang optimum untuk menyokong pencapaian bersesuaian dengan visi, misi dan matlamat organisasi.</li> <li>Mengkaji dan menganalisis kecekapan dan keberkesanan menyeluruh proses operasi setiap Seksyen/Bahagian dan mencadangkan langkah-langkah intervensi yang proaktif dan konstruktif untuk memperkemas lagi koordinasi operasi di antara setiap Seksyen/Bahagian demi mencapai sinergi yang terbaik bagi jabatan.</li> <li>Memperkenalkan kaedah baharu dan inovatif untuk memantapkan dan meningkatkan kelancaran, kecekapan dan keberkesanan operasi.</li> </ul>

## Kompetensi: Penulisan Dokumen Rasmi

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Penulisan Dokumen Rasmi</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan menguasai bahasa bahasa mahir dan penyampaian maklumat dengan jelas dan tepat. Keupayaan merancang dan menulis dokumen rasmi termasuk minit mesyuarat, laporan dan kertas cadangan yang jelas bertujuan untuk menyampaikan arahan, mesej yang tersirat mengikut garis panduan, prosedur dan piawaian. Keupayaan menyediakan dokumen rasmi yang sempurna tanpa kesilapan dari segi ejaan, tatabahasa dan tanda bacaan.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecelapan Kompetensi

<b>Berpengetahuan</b>	<b>Berkebolehpayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyiapkan dokumen rasmi seperti surat, memo, minit mesyuarat, dan laporan bulanan atau tahunan mengikut format yang telah ditetapkan.</li> <li>Membantu menyediakan dan menyiapkan kertas cadangan mengikut garis panduan prosedur yang telah ditetapkan.</li> <li>Menggunakan perbendaharaan kata dan tatabahasa Bahasa Melayu yang betul.</li> <li>Merujuk kepada ketua/penyelia mengenai hal-hal berbangkit dengan situasi bukan rutin.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenalpasti keperluan kumpulan sasaran yang perlu dipenuhi oleh dokumen rasmi dan mengumpul maklumat yang lengkap dan tepat ke arah menyediakan dan menyiapkan dokumen rasmi tersebut.</li> <li>Merangka dan merancang isi kandungan sesuatu dokumen rasmi tersebut bertujuan untuk menyampaikan maklumat atau mesej yang tepat, jelas dan sesuai untuk kumpulan sasaran.</li> <li>Menyemak dan memastikan penyediaan dan penyediaan dokumen rasmi disempurnakan dengan teliti mengikut protokol dan piawaian yang tepat sebelum dimajukan pihak atasan/lain.</li> <li>Menggunakan perbendaharaan kata dan tatabahasa Bahasa Inggeris yang betul.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merangka dan mengenal pasti strategi yang sesuai ke arah menghasilkan maklumat, laporan, cadangan, jawapan bertulis dan sebagainya untuk memenuhi keperluan kumpulan sasaran.</li> <li>Mengkaji, menganalisis dan merumus implikasi penyediaan sesuatu dokumen rasmi daripada sudut penyampaian mesej, respon, keberhasilan dan keupayaan kumpulan sasaran.</li> <li>Merancang, mengawal dan memantau penyediaan dan penyediaan dokumen rasmi dan melakukan intervensi bersesuaian dan tepat pada masanya untuk memastikan matlamat jabatan tercapai.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berupaya berkongsi kepakaran dan pengalaman dengan bahagian organisasi lain untuk membantu penghasilan dokumen rasmi yang berkualiti tinggi.</li> <li>Menguasai aspek tatabahasa dan perbendaharaan kata Bahasa Melayu dan Inggeris peringkat tinggi.</li> <li>Memperkenalkan kaedah baru dalam penyediaan dokumen rasmi yang sesuai dengan keperluan semasa jabatan untuk mencapai matlamat di peringkat jabatan, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.</li> <li>Menjadi penggerak utama dalam usaha membudayakan sistem penulisan dokumen rasmi yang unggul di pelbagai peringkat organisasi.</li> </ul>

## Kompetensi: Penyampaian dan Pengucapan Awam

<b>Komponen Kompetensi</b>	Teras
<b>Kategori</b>	Generik
<b>Nama Kompetensi</b>	Penyampaian dan Pengucapan Awam
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan membuat penyampaian dan pengucapan awam dengan jelas, berkesan, tersusun dan saling berkait. Berkeupayaan menyampaikan maklumat atau mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku pendengar terhadap apa yang ingin disampaikan. Boleh menggunakan alat bantu dengar yang bersesuaian.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	Semua Bahagian

### Tahap Kecekapan Kompetensi

Berpengetahuan	Berkebolehpupayaan	Berkemahiran	Berkepakaran
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami tujuan, isi kandungan dan mesej yang hendak disampaikan menerusi penyampaian dan pengucapan awam.</li> <li>Melaksanakan penyampaian dan pengucapan awam mengikut kaedah, format dan teks yang telah ditetapkan.</li> <li>Menggunakan alat bantuan asas dalam penyampaian dengan betul.</li> <li>Meminta dan menerima maklum balas berhubung dengan penyampaian dan pengucapan awam yang telah/akan dijalankan daripada rakan sekerja atau ketua/ penyelia.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenalpasti kumpulan sasaran yang perlu dipenuhi, mengumpul maklumat yang lengkap dan tepat, merangka dan merancang struktur penyampaian, pengolahan isi kandungan mesej yang hendak disampaikan dan memilih pendekatan yang paling sesuai dan berkesan untuk menyampaikan mesej kepada kumpulan sasaran.</li> <li>Menggunakan intonasi suara, gerak isyarat, gaya persembahan dan alat bantu yang sesuai untuk menarik minat dan memberikan impak yang berkesan kepada kumpulan sasaran.</li> <li>Berinteraksi secara aktif dengan kumpulan sasaran semasa sesi soal dan jawab (Q&amp;A), menerima dan memberi maklum balas secara positif dan memenuhi harapan kumpulan sasaran tersebut.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berkeupayaan mengenalpasti dan merangka strategi yang sesuai untuk membentuk pendapat dan mempengaruhi pemikiran kumpulan sasaran.</li> <li>Mengkaji, menganalisis dan merumus implikasi pelaksanaan penyampaian dari sudut respon, penerimaan dan memenuhi harapan kumpulan sasaran.</li> <li>Merencana tindakan susulan dan penambahbaikan untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian di masa hadapan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berkeupayaan menganalisis tahap kecekapan pegawai-pegawai dalam organisasi dalam penyampaian dan pengucapan awam serta mencadangkan langkah-langkah proaktif dan berkesan untuk menambah baik prestasi mereka.</li> <li>Memperkenalkan kaedah baharu dan inovatif untuk membangunkan dan memajukan kemahiran penyampaian dan pengucapan awam.</li> <li>Menerajui usaha membudayakan kecekapan penyampaian dan pengucapan awam dalam kalangan pegawai di semua peringkat.</li> </ul>

## Kompetensi: Penyelesaian Masalah

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Penyelesaian Masalah</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan menggunakan pendekatan logik untuk menyelesaikan masalah. Keupayaan menghurai masalah kepada komponen yang lebih mudah dan boleh diurus dengan sistematik. Keupayaan menyediakan alternatif dan menjangkakan halangan yang berpotensi dan membangunkan pelan penyelesaian.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecapaian Kompetensi

<b>Berpengertian</b>	<b>Berkebolehpayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenalpasti dan mengumpul maklumat lengkap mengenai masalah yang berlaku di peringkat tugas sendiri.</li> <li>Mengenalpasti dan menganalisis punca dan idea penyelesaian masalah tersebut di dalam menjalankan tugas harian.</li> <li>Memberikan idea untuk membantu menyelesaikan masalah unit atau pasukan kerja.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenalpasti dan mendefinisi masalah operasi yang berlaku di peringkat unit atau pasukan kerja dengan lengkap dan jelas.</li> <li>Berkeupayaan menganalisis punca masalah sebenar dan menghurai masalah operasi unit atau pasukan kerja yang dikenal pasti kepada komponen yang lebih kecil dan mudah supaya dapat diurus secara sistematik.</li> <li>Mencadangkan alternatif paling sesuai untuk diambil tindakan dalam penyelesaian masalah tersebut.</li> <li>Melaksanakan pelan penyelesaian masalah yang diluluskan mengikut garis panduan, kuasa dan tatacara yang ditetapkan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berkeupayaan meramal atau menjangka masalah operasi yang berlaku di peringkat unit atau pasukan kerja.</li> <li>Menggunakan kaedah-kaedah yang sesuai dan tepat untuk mengenalpasti beberapa alternatif yang boleh diambil kira.</li> <li>Mengkaji, menganalisis dan merumus pro dan kontra setiap alternatif dari sudut implikasi terhadap kos, operasi, kesesuaian dan kesejahteraan.</li> <li>Merancang, memantau dan mengawalselia pelaksanaan pelan penyelesaian masalah dan melakukan intervensi bersesuaian dan tepat pada masanya untuk memastikan penyempurnaan penyelesaian masalah secara bersepadu dan menyeluruh.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berkeupayaan meramalkan kemungkinan berlakunya masalah akan datang di peringkat jabatan dan organisasi dengan menganalisis maklumat terkumpul dan trend semasa.</li> <li>Mencadangkan langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil untuk menangani masalah masalah yang dijangkakan supaya tidak menjejaskan operasi dan kesejahteraan jabatan.</li> <li>Membangunkan sistem, kaedah dan prosedur kerja yang mampu menguruskan risiko yang terhasil dan intervensi yang diperlukan berkaitan sesuatu masalah.</li> </ul>



## Kompetensi: Memberi Bimbingan

<b>Komponen Kompetensi</b>	Teras
<b>Kategori</b>	Generik
<b>Nama Kompetensi</b>	Memberi Bimbingan
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan untuk memupuk pembelajaran dan pembangunan pegawai bawahan. Kebolehan merancang dan menilai prestasi pegawai, menganalisis keperluan pembangunan dan potensi pegawai, memberikan tunjuk ajar dan menentukan kaedah sesuai bagi meningkatkan kompetensi dan prestasi pegawai.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	Semua Bahagian

### Tahap Kecekapan Kompetensi

Berpengertian	Berkebolehpupayaan	Berkemahiran	Berkepakaran
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendengar dengan baik dan menganalisis masalah yang dihadapi oleh setiap kakitangan yang diselia.</li> <li>Merancang dan menilai prestasi pegawai bawahan berdasarkan sasaran kerja tahunan yang ditetapkan.</li> <li>Memberi maklum balas kepada pegawai bawahan mengenai prestasi semasa dan langkah-langkah penambahbaikan untuk memperbaiki prestasi dan mencapai sasaran kerja tahunan ditahap yang memuaskan.</li> <li>Mencadangkan latihan-latihan yang harus dihadiri oleh pegawai di bawah seliaan untuk memantapkan prestasi kerja mereka.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menganalisis keperluan latihan bagi pegawai bawahan berdasarkan tugas dan tanggungjawab menurut deskripsi tugas dan profil kompetensi jawatan berkaitan.</li> <li>Mencadangkan kompetensi yang perlu diberi penekanan komprehensif untuk membolehkan pegawai bawahan berkenaan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cekap dan berkesan.</li> <li>Memantau kemajuan pencapaian tahap kecekapan kompetensi pegawai bawahan dan memberi maklum balas konstruktif secara berterusan kepada pegawai berkaitan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merancang dan membangunkan laluan kerjaya jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi setiap kakitangan di bawah seliaan.</li> <li>Melatih dan membimbing pegawai di bawah seliaan untuk mencapai tahap kecekapan kompetensi yang disasarkan selaras dengan perancangan kerjaya kakitangan.</li> <li>Memberi maklum balas mengenai kemajuan pembangunan kompetensi kepada pegawai yang dibimbing dan melakukan intervensi proaktif yang sesuai dan tepat pada masanya untuk mengekalkan rancangan pembangunan kompetensi tersebut di atas landasan yang betul.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai kepakaran dalam menilai pegawai-pegawai yang berpotensi tinggi dan membangunkan kompetensi kepimpinan dan menyerahkan bakat pegawai-pegawai berkenaan.</li> <li>Membangunkan kaedah baharu dalam pengurusan bakat yang mampan demi kesejahteraan jabatan.</li> <li>Melaksanakan strategi dan tindakan khas bagi mempercepatkan pembangunan dan perkembangan serta mengekalkan kakitangan yang berbakat dan berprestasi tinggi.</li> </ul>



## Kompetensi: Membuat Keputusan

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Membuat Keputusan</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan menggunakan pendekatan dan kaedah yang berkesan dan sistematik untuk menilai dan memilih alternatif, cadangan dan sumber yang terbaik bagi menjayakan operasi organisasi selaras dengan situasi, strategi, dasar, prinsip, nilai organisasi dan berdasarkan maklumat atau fakta yang betul dan terkini.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecapaian Kompetensi

<b>Berpengertian</b>	<b>Berkebolehpayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami proses dan bidang kuasa membuat keputusan berpandukan dasar, tatacara dan Perintah Am.</li> <li>Merancang pelaksanaan sesuatu keputusan seperti mana diarahkan oleh pihak atasan.</li> <li>Membuat keputusan berhubung dengan transaksi rutin di bawah bidang kuasa yang ditetapkan menggunakan kaedah yang sistematik.</li> <li>Merujuk kepada ketua/penyelia apabila berhadapan dengan situasi bukan rutin atau memerlukan pentafsiran dan penjelasan pelaksanaan sesuatu keputusan yang telah dibuat oleh pihak atasan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat keputusan berhubung dengan situasi mudah yang tidak rutin dengan menggunakan akal budi (<i>common sense</i>), merujuk kepada pihak berpengetahuan, kaedah penyelesaian masalah atau sumber rujukan autoratif selagi mana tidak melampaui had bidang kuasa yang ditetapkan.</li> <li>Mampu membuat keputusan tepat dan cepat di bawah tekanan atau kekangan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan budi bicara dalam membuat keputusan yang mana tiada petunjuk jelas dan nyata daripada sumber-sumber autoratif seperti dasar, pekeliling atau Perintah Am dengan mengambil kira keperluan kumpulan sasaran, keunikan situasi dan keberhasilan.</li> <li>Bertindak pantas membuat keputusan serta merta di dalam situasi luar jangkaan atau kecemasan demi memelihara keselamatan dan kepentingan awam.</li> <li>Menambah baik proses dan kaedah membuat keputusan untuk meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan kelancaran sistem penyampaian perkhidmatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggariskan dasar, strategi dan pendekatan proaktif yang perlu diikuti dalam membuat keputusan secara lebih cekap dan berkesan di peringkat Jabatan yang memenuhi keperluan jabatan dan organisasi.</li> </ul>

## Kompetensi: Mengurus Perubahan

<b>Komponen Kompetensi</b>	Teras
<b>Kategori</b>	Generik
<b>Nama Kompetensi</b>	Mengurus Perubahan
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan mengenal pasti perubahan yang perlu dibuat di peringkat operasi dan merancang, melaksana dan memantau inisiatif perubahan. Berkeupayaan menyelesaikan dan mengatasi halangan-halangan perubahan (dalaman dan luaran) dalam organisasi. Berkeupayaan memberikan motivasi kepada kakitangan untuk bersama membuat perubahan.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	Semua Bahagian

### Tahap Kecekapan Kompetensi

Berpengalaman	Berkebolehpupayaan	Berkemahiran	Berkepakaran
<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab melaksanakan komponen-komponen tertentu dalam pelan pengurusan perubahan menurut spesifikasi dan bidang tugas yang ditetapkan.</li> <li>Memantau dan mengawal selia tahap pelaksanaan aktiviti-aktiviti perubahan dan melaporkan kepada ketua/penyelia sebarang isu berbangkit yang memerlukan intervensi daripada pihak atasan.</li> <li>Mencadangkan penambahbaikan terhadap proses dan pelaksanaan program perubahan kepada ketua/penyelia berdasarkan pengamatan penerimaan dan maklum balas daripada kumpulan sasaran.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memainkan peranan aktif sebagai ahli pasukan yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti perubahan yang hendak dilaksanakan, merancang pelan pelaksanaan perubahan dan memantau kemajuan serta pencapaian pelaksanaan perubahan tersebut.</li> <li>Mencapai matlamat dan keberhasilan yang ditetapkan menerusi pengurusan pelan perubahan secara sistematik, cekap dan berkesan.</li> <li>Mengambil langkah-langkah proaktif dan konstruktif untuk mengatasi halangan-cabaran dan halangan-halangan operasi yang timbul semasa melaksanakan pelan perubahan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan strategi dan perancangan pelan perubahan untuk mencapai matlamat Jabatan dan keberhasilan yang ditetapkan.</li> <li>Mengenal pasti dan mengambil tindakan mengatasi masalah atau isu pelaksanaan perubahan di peringkat Jabatan.</li> <li>Membangunkan mekanisme yang bersepadu untuk melakukan pelarasan yang sesuai dan tepat pada masanya terhadap pengurusan dan kelancaran pelan perubahan dan memastikan penerimaan menyeluruh daripada kalangan kumpulan sasaran mengenai inisiatif perubahan tersebut.</li> <li>Membangunkan pelan tindakan susulan untuk mengurus impak dan implikasi yang terhasil akibat penyempurnaan pelan perubahan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menerajui usaha untuk membina dan membentuk minda pegawai yang bersedia menerima perubahan secara sukarela dan melibatkan diri secara aktif dalam menjayakan perubahan.</li> <li>Mengkaji, menganalisis dan mencadangkan langkah-langkah intervensi yang proaktif dan konstruktif untuk menyempurnakan dan memuktamadkan program-program perubahan yang menerima tentangan (dalaman dan/atau luaran) atau menghadapi isu-isu yang mempengaruhi hala tuju pelan perubahan tersebut.</li> <li>Memperkenalkan kaedah-kaedah baharu dan inovatif untuk memantapkan dan meningkatkan kelancaran, kecekapan dan keberkesanan pengurusan perubahan.</li> </ul>

## Kompetensi: Pemikiran Kritis

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Pemikiran Kritis</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Kemampuan untuk melakukan <i>conceptualization</i> , penerapan, analisis dan sintesis secara aktif dan intelektual dan menilai maklumat yang diperolehi atau dijana melalui pemerhatian, pengalaman, renungan ( <i>reflection</i> ) atau komunikasi ke arah membentuk kefahaman, tingkah laku dan tindakan.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecelapan Kompetensi

<b>Berpengertian</b>	<b>Berkebolehpayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menapis dan menilai ketepatan dan kesahihan maklumat yang dikumpul.</li> <li>Mengenal pasti dan merumus intipati sesuatu situasi atau subjek yang dihadapi.</li> <li>Menyatakan dengan jelas secara lisan dan bertulis apa yang difahami hasil daripada rumusan yang dilakukan.</li> <li>Memberi maklum balas dan cadangan kepada ketua/penyelia mengenai tindakan yang boleh diambil terhadap situasi atau subjek berkenaan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menganalisis dan menjelaskan isu yang dihadapi.</li> <li>Menggunakan fakta-fakta yang dikenal pasti untuk menghasilkan sesuatu idea, proses, produk perkhidmatan atau aplikasi.</li> <li>Mencadangkan penambahbaikan kepada idea, proses, produk, perkhidmatan atau aplikasi yang dibangunkan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti dan menilai pro dan kontra untuk beberapa alternatif yang boleh dipertimbangkan.</li> <li>Menilai kebolehlaksanaan setiap alternatif.</li> <li>Mencadangkan penyelesaian paling optima untuk setiap situasi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan kaedah sistematik dan aplikasi teknologi maklumat dalam menganalisis, menilai dan sintesis maklumat bagi membuat keputusan.</li> <li>Menerajui usaha secara strategik untuk meningkatkan budaya berfikir secara kritis dan keupayaan pemikiran kritis dan aplikasinya di dalam tugas harian di kalangan penjawat awam.</li> <li>Berupaya membangunkan pendekatan dan kaedah baharu untuk menilai sesuatu cadangan atau idea sebelum dilaksanakan bagi menjayakan pencapaian matlamat jangka panjang jabatan dan negeri secara cekap dan berkesan.</li> </ul>

## Kompetensi: Pengurusan Sumber Manusia

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Pengurusan Sumber Manusia</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan merancang keperluan guna tenaga dan pembangunan sumber manusia. Keupayaan melaksana hal ehwal pentadbiran sumber manusia dan menangani masalah disiplin dan prestasi pegawai.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecekapan Kompetensi

<b>Berpengetahuan</b>	<b>Berkebolehpayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami pengurusan manusia secara menyeluruh dan strategik.</li> <li>Membuat penempatan pegawai-pegawai sesuai dengan keperluan dan profil pegawai.</li> <li>Memberi tunjuk ajar dan latihan kepada pegawai-pegawai di bawah seliaannya mengenai tugas-tugas yang telah ditetapkan.</li> <li>Memantau, mengawal selia dan memberi maklum balas mengenai tahap pencapaian prestasi kerja bagi pegawai-pegawai di bawah seliaan.</li> <li>Mengambil tindakan untuk mengatasi masalah disiplin atau prestasi pegawai.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengkaji kecekapan dan keberkesanan operasi keseluruhan Bahagian dari segi pencapaian prestasi, bilangan dan kualiti tenaga kerja sedia ada.</li> <li>Mengkaji dan menentukan skop dan keperluan spesifikasi tugas bagi setiap jawatan dalam Bahagian yang diselia.</li> <li>Merancang keperluan guna tenaga dan kompetensi sumber manusia untuk memenuhi keperluan operasi tahunan bahagian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti jurang tahap kecekapan kompetensi setiap pegawai di bawah seliaan dan mencadangkan langkah-langkah yang sesuai untuk membangunkan tahap kecekapan kompetensi pegawai terbabit.</li> <li>Membangunkan strategi mantap yang mampu mengoptimumkan penggunaan sumber manusia sedia ada kearah pencapaian keberhasilan yang ditetapkan.</li> <li>Mengkaji dan menganalisis prestasi keseluruhan Bahagian dan mencadangkan langkah-langkah proaktif untuk meningkatkan prestasi, kecekapan dan keberkesanan bakat pegawai sedia ada.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berupaya menganalisis keperluan dan menyediakan pelan dan rangka kerja strategik pengurusan bakat secara menyeluruh untuk jabatan.</li> <li>Menilai dan mengenal pasti bakat-bakat yang berpotensi tinggi secara efektif dan sistematik.</li> <li>Menjadi mentor kepada pegawai-pegawai berprestij tinggi untuk membimbing, memupuk dan mengasah bakat-bakat tersebut kearah menjadi pemimpin di peringkat bahagian dan jabatan.</li> <li>Memperkenalkan sistem pengurusan kerjaya dan pembangunan bakat yang holistik dan inovatif.</li> </ul>

## Kompetensi: Perundingan

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Perundingan</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan merancang strategi dan menggunakan kaedah atau teknik perundingan berkesan untuk mencapai hasil terbaik bagi organisasi.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecapaian Kompetensi

<b>Berpengetahuan</b>	<b>Berkebolehpayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti latar belakang dan matlamat yang hendak dicapai oleh pihak yang akan terlibat dalam perundingan.</li> <li>Mengumpulkan dan menyediakan maklumat berkaitan yang diperlukan untuk perundingan.</li> <li>Menyumbangkan idea dan memberikan maklum balas semasa proses persediaan perundingan dijalankan.</li> <li>Mengambil tindakan susulan selepas selesainya sesi perundingan seperti yang diarahkan oleh ketua/ penyelia.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyelidik, menganalisis dan merumus keberhasilan yang hendak dicapai oleh pihak perunding.</li> <li>Menyusun strategi dan merancang proses perundingan yang akan dijalankan mengikut mandat yang diberikan oleh pihak atasan.</li> <li>Menggunakan taktik-taktik proaktif dan teknik-teknik berunding yang berkesan untuk mencapai hasil rundingan terbaik dalam Jabatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti dan merangka strategi untuk menjayakan kolaborasi menang-menang menerusi rundingan konstruktif dengan pihak luar jabatan (peringkat negeri atau negara).</li> <li>Menggunakan budi bicara, pengalaman perundingan silam dan kebolehpercayaan (<i>trust</i>) sesama perunding untuk mencapai hasil alternatif terbaik bagi Jabatan.</li> <li>Mengendalikan rundingan dengan pelbagai pihak (<i>multi party</i>) secara cekat dan berkesan serta kekuatan mental dan emosi ke arah mencapai matlamat optima bagi pihak-pihak terlibat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berupaya melaksanakan perundingan dan menghasilkan penyelesaian menang-menang dengan pihak luar.</li> <li>Mengkaji, menganalisis dan mencadangkan langkah-langkah intervensi yang proaktif dan konstruktif untuk menghidupkan semula dan memuktamadkan dengan jayanya proses perundingan yang menghadapi masalah atau jalan buntu.</li> <li>Memperkenalkan kaedah baharu dan inovatif untuk membangunkan dan memajukan tahap pencapaian proses perundingan di peringkat jabatan.</li> </ul>



## Kompetensi: Kolaborasi Strategik

<b>Komponen Kompetensi</b>	Teras
<b>Kategori</b>	Generik
<b>Nama Kompetensi</b>	Kolaborasi Strategik
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan membangun, mengekalkan dan menguatkan hubungan dan kolaborasi menang-menang dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang diiktiraf ke arah menayakan misi dan strategi jabatan dan organisasi.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	Semua Bahagian

### Tahap Kecekapan Kompetensi

Berpengetahuan	Berkebolehpupayaan	Berkemahiran	Berkepakaran
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami kepentingan membangunkan dan membina hubungan dan kolaborasi menang-menang dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang diiktiraf.</li> <li>Menjalin dan mengukuhkan rangkaian (networking) hubungan baik dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang diiktiraf menerusi pembabitan terus di dalam program-program kerjasama di peringkat jabatan dan organisasi.</li> <li>Berupaya mendapatkan dan menerima maklum balas daripada rakan sejawat dan rakan strategik bertujuan untuk meningkatkan dan memantapkan keupayaan membina dan mengeratkan hubungan baik dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang diiktiraf ke arah mencapai kerjasama strategik di peringkat jabatan dan organisasi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang diiktiraf yang mempunyai potensi untuk memberikan manfaat kepada jabatan dan organisasi.</li> <li>Merangka dan membangunkan rancangan bersepadu dan tersusun untuk menayakan kolaborasi menang-menang dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang diiktiraf selaras dengan strategi jabatan dan organisasi.</li> <li>Mengkaji dan menilai keberhasilan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang diiktiraf dan melakukan tindakan-tindakan yang berseesuaian dan tepat pada masanya untuk mengekalkan dan mencapai hasil terbaik demi kesejahteraan Jabatan dan organisasi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan strategik yang mantap untuk menjalin dan membina kerjasama strategik dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang diiktiraf merentasi sempadan selaras dengan visi, misi dan matlamat jabatan.</li> <li>Mengkaji, menganalisis dan merumus agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang diiktiraf untuk dijalinan kerjasama, membangunkan rancangan untuk menghasilkan kolaborasi menang-menang dan melaksanakan program-program yang sesuai dan tepat pada masanya ke arah merealisasikan kerjasama strategik.</li> <li>Menilai keberkesanan dan keberhasilan yang diperolehi daripada kerjasama strategik dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang diiktiraf dan membuat keputusan sama ada meneruskan kerjasama tersebut atau mengalihkan tenaga, sumber dan masa kepada sasaran yang boleh mendatangkan keuntungan kepada jabatan dan negeri.</li> <li>Menerapkan kaedah-kaedah dan amalan terbaik dalam memantapkan dan mempertingkatkan kolaborasi strategik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami kepentingan membangunkan dan membina hubungan dan kolaborasi menang-menang dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang diiktiraf.</li> <li>Menjalin dan mengukuhkan rangkaian (networking) hubungan baik dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang diiktiraf menerusi pembabitan terus di dalam program-program kerjasama di peringkat jabatan dan organisasi.</li> <li>Berupaya mendapatkan dan menerima maklum balas daripada rakan sejawat dan rakan strategik bertujuan untuk meningkatkan dan memantapkan keupayaan membina dan mengeratkan hubungan baik dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang diiktiraf ke arah mencapai kerjasama strategik di peringkat jabatan dan organisasi.</li> </ul>



## Kompetensi: Memacu Perubahan

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Memacu Perubahan</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan menjangka, mencetus dan menzahirkan dengan jelas perubahan yang perlu dilakukan oleh organisasi untuk mencapai misi dan visi transformasi Perkhidmatan Awam. Berupaya merumus dan memimpin pelaksanaan strategi-strategi bagi menjayakan perubahan dalam organisasi secara berkesan. Berupaya memberikan motivasi dan inspirasi kepada seluruh kakitangan untuk komited dan bersungguh-sungguh menjayakan perubahan.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecekapan Kompetensi

<b>Berpengertian</b>	<b>Berkebolehpayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengkaji, menganalisis dan merumus isu-isu yang menjadi kekangan kepada kelancaran penyampaian perkhidmatan dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh bahagian.</li> <li>Mengambil langkah-langkah proaktif dan konstruktif untuk mengatasi kekangan-kekangan yang menjepaskan kelancaran penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasaran.</li> <li>Mengenal pasti peluang-peluang untuk menambah baik prestasi Bahagian dan merangka pelan untuk melaksanakan perubahan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan strategi perubahan di peringkat Bahagian dan Jabatan supaya selari dengan pelan strategik sabatan.</li> <li>Memimpin pelaksanaan strategi-strategi perubahan yang dibangunkan.</li> <li>Menerima maklum balas dan memberi penerangan mengenai transformasi yang dilaksanakan dan keberhasilan yang diingini kepada kakitangan pelbagai grad dan pelanggan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengkaji, menganalisis dan mentafsir faktor-faktor semasa (luaran dan dalaman) dan membangunkan strategi perubahan yang sesuai dan tepat pada masanya.</li> <li>Membangunkan pelan tindakan perubahan yang bersepadu dan menyeluruh memenuhi keperluan dan harapan semua kakitangan dan pelanggan.</li> <li>Mengambil langkah-langkah intervensi yang proaktif dan konstruktif untuk mengurus sebarang rintangan daripada pihak-pihak berkepentingan supaya tidak menjejaskan kelancaran pelaksanaan dan penyempurnaan pelan perubahan.</li> <li>Memperkenalkan kaedah-kaedah, amalan terbaik dan sistem memacu perubahan yang kontemporari dan terkini untuk memantapkan dan meningkatkan proses memacu perubahan di peringkat jabatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mencetuskan idea baharu di luar kebiasaan bagi meledakkan perubahan berimpak tinggi kepada jabatan.</li> <li>Menggunakan teknik-teknik ramalan yang autoritatif untuk merangka hala tuju baharu bagi Jabatan untuk tempoh lima hingga sepuluh tahun akan datang.</li> <li>Menerajui inisiatif-inisiatif yang proaktif dan inovatif untuk mencapai sistem penyampaian perkhidmatan kelas pertama.</li> </ul>

## Kompetensi: Membina Pemimpin

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Membina Pemimpin</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan membentuk, memupuk dan membina kepimpinan organisasi yang kompeten dan berwibawa bagi kecemerlangan organisasi. Berkeupayaan menilai dan mengenal pasti bakal pemimpin yang berpotensi untuk masa hadapan organisasi. Memahami strategi berkesan bagi pembangunan kepimpinan. Berupaya menjadi mentor, memberikan inspirasi dan motivasi kepada para pemimpin organisasi dan bakal-bakal pemimpin masa hadapan.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecekapan Kompetensi

<b>Berpengetahuan</b>	<b>Berkebolehpupayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai pembimbing (<i>Coach</i>) untuk membimbing dan membangunkan potensi bakal pemimpin yang telah dikenal pasti oleh pihak pengurusan atasan mengikut spesifikasi, jadual dan tatacara yang ditetapkan.</li> <li>Menggunakan teknik-teknik bimbingan yang berkesan untuk mencungkil kebolehan semula jadi individu tersebut dan menerapkan nilai-nilai dan kemahiran yang perlu dimiliki dalam proses membangunkan dan meningkatkan potensi bakat tersebut ke tahap yang dihajati.</li> <li>Memberi dan menerima maklum balas daripada bakat yang dibimbing bertujuan untuk mengenal pasti kemajuan, pencapaian dan isu-isu berbangkit yang memberikan impak dan implikasi kepada program pembangunan potensi bakat tersebut.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menilai dan mengenal pasti bakat-bakat yang berpotensi tinggi secara efektif dan sistematis yang perlu dibangunkan sebagai bakal pemimpin masa hadapan organisasi.</li> <li>Merangka dan menyediakan secara bersepadu dan tersusun rancangan pembangunan dan pengembangan potensi bakal pemimpin yang dipertanggungjawabkan dengan matlamat dan keberhasilan yang jelas.</li> <li>Memantau, mengawal selia dan merekod tahap pencapaian individu tersebut untuk menilai keberkesanan program yang dirancang dan mengenal pasti isu-isu berbangkit yang boleh memberikan impak dan implikasi yang negatif kepada beliau.</li> <li>Mengambil langkah-langkah intervensi yang proaktif dan konstruktif untuk melancarkan pembangunan dan pengembangan potensi bakal pemimpin berkenaan dan mengatasi halangan-halangan yang boleh menjejaskan pencapaian matlamat dan keberhasilan yang dirancang.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan strategi mantap untuk membangunkan dan membina potensi bakal pemimpin selaras dengan matlamat dan keberhasilan yang dipersetujui.</li> <li>Membentuk minda dan jati diri bakal pemimpin di bawah tanggungan dengan menerapkan dan membudayakan nilai-nilai murni dan ciri-ciri keperibadian selaras dengan visi, misi, matlamat dan nilai-nilai teras perkhidmatan awam melalui pendedahan langsung dan pratikal di pelbagai persekitaran.</li> <li>Membentuk, membina dan memantapkan pengetahuan, kemahiran dan kewibawaan bakal pemimpin di dalam pelbagai aspek pengurusan operasi jabatan melalui program <i>job deployment</i> yang bersepadu dan tersusun.</li> <li>Menerapkan kaedah-kaedah, amalan-amalan terbaik dan sistem pembangunan serta pengembangan potensi bakal pemimpin yang kontemporari dan terkini untuk membekalkan pemimpin jabatan yang berwibawa secara berterusan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperincikan ciri-ciri model kepimpinan strategik bagi perkhidmatan awam masa hadapan.</li> <li>Menyumbangkan kepakaran, pengalaman, idea dan tenaga bagi mengenalpasti pegawai-pegawai berpotensi tinggi untuk dibentuk, dipupuk dan dibina selaras dengan model kepimpinan baharu.</li> <li>Membangunkan strategi dan pendekatan baharu untuk membina dan menyediakan barisan kepimpinan strategik yang memenuhi keperluan masa hadapan organisasi.</li> </ul>

## Kompetensi: Memimpin Kecemerlangan Organisasi

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Memimpin Kecemerlangan Organisasi</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan memahami, menilai dan menganalisis aspek-aspek kritikal kecemerlangan organisasi secara keseluruhan. Keupayaan membuat keputusan, menggerakkan dan memantau strategi, sumber dan sistem penyampaian organisasi secara bersepadu dalam usaha meningkatkan tahap pencapaian dan kecemerlangan organisasi secara menyeluruh dan berterusan.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecapaian Kompetensi

<b>Berpengalaman</b>	<b>Berkebolehpayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami dengan jelas aspek-aspek kritikal kecemerlangan jabatan yang menjadi matlamat jabatan dan organisasi.</li> <li>Mengkaji dan menganalisis tahap keupayaan jabatan semasa dan mencadangkan penambahbaikan kepada proses, prosedur dan tatakerja jabatan.</li> <li>Merancang, memantau dan mengawal selia program peningkatan keupayaan jabatan menurut pelan tindakan yang diluluskan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenalpasti punca-punca dan isu-isu dalaman dan luaran yang menjadi penghalang kepada kecemerlangan jabatan.</li> <li>Merangka dan merancang program meningkatkan prestasi dan pencapaian jabatan dengan mengambil kira aspek-aspek politik, ekonomi, sosial dan sebagainya.</li> <li>Mengambil langkah-langkah intervensi yang proaktif dan konstruktif untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian jabatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan strategi dan pelan transformasi kecemerlangan jabatan meliputi aspek-aspek struktur, sistem, falsafah kepimpinan, keberhasilan dan matlamat.</li> <li>Memantau dan mengawal selia pelan pelaksanaan transformasi kecemerlangan jabatan mengikut mandat yang diberikan dan jadual yang ditetapkan.</li> <li>Menbangunkan pelan tindakan susulan untuk mengurus impak dan implikasi yang terhasil akibat penyempurnaan pelan transformasi kecemerlangan jabatan.</li> <li>Membangunkan kaedah-kaedah dan sistem pengurusan kecemerlangan jabatan untuk digunapakai dan diterapkan dalam jabatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperincikan dengan jelas ciri-ciri kecemerlangan yang perlu ada untuk mencapai aspirasi perkhidmatan awam kelas pertama.</li> <li>Berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan bahagian-bahagian lain mengenai pelan transformasi kecemerlangan jabatan.</li> <li>Menanam dan membudayakan nilai-nilai kecemerlangan di dalam jiwa semua pegawai supaya terus menerusi melonjakkan transformasi kecemerlangan jabatan.</li> </ul>

## Kompetensi: Pemikiran Strategik

<b>Komponen Kompetensi</b>	Teras
<b>Kategori</b>	Generik
<b>Nama Kompetensi</b>	Pemikiran Strategik
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan untuk menilai, merumus dan merangka strategi untuk menyelesaikan masalah organisasi dan mewujudkan peluang bagi pencapaian misi dan matlamat strategik jangka panjang. Keupayaan untuk berfikir dan melihat gambaran yang lebih besar mengenai iklim luaran dan dalaman serta <i>trend</i> jangka panjang jabatan. Keupayaan untuk mengenal pasti hubungan kait di antara tindakan strategik jabatan dengan impak dan implikasi terhadap persekitaran dalaman dan luaran organisasi.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	Semua Bahagian

### Tahap Kecekapan Kompetensi

Berpengertian	Berkebolehpupayaan	Berkemahiran	Berkepakaran
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyumbangkan idea, kepakaran dan tenaga dalam proses penyediaan dan pengubahal rancangan strategik di peringkat jabatan.</li> <li>Melakukan tinjauan tentang tahap pencapaian keseluruhan pelaksanaan teras-teras strategik berkaitan bahagian atau jabatan yang digubal berdasarkan pelan strategik peringkat jabatan.</li> <li>Memberi maklum balas mengenai kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan program bagi teras-teras strategik yang berkaitan termasuk langkah-langkah intervensi proaktif dan konstruktif untuk menambah baik penyampaian sistem perkhidmatan di masa hadapan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengkaji dan menilai faktor-faktor persekitaran luaran dan dalaman serta trend terkini dari sudut politik, ekonomi, sosial teknologi dan sebagainya yang memberi impak dan implikasi terhadap jabatan dan organisasi.</li> <li>Membangunkan strategi jangka panjang yang menyeluruh, bersepadu dan dinamik untuk menangani isu-isu luaran dan dalaman dan membantu pencapaian misi dan objektif jabatan dan organisasi.</li> <li>Merancang, memantau dan mengawal selia pelaksanaan program-program di bawah teras-teras strategik yang diluluskan supaya menepati keberhasilan yang dirancang.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan dan menyusun strategi jangka panjang, menggunakan teknik teknik ramalan yang autoratif berdasarkan kajian faktor-faktor persekitaran luaran dan dalaman serta jangkaan trend masa hadapan di peringkat serantau dan global.</li> <li>Membangunkan pelan kontigensi untuk menangani risiko-risiko dan insiden-insiden luar jangkaan dan untuk mengurangkan impak serta implikasi terhadap jabatan dan organisasi.</li> <li>Mengkaji dan menilai kecekapan dan keberkesanan pencapaian pelaksanaan program-program di bawah teras-teras strategik yang telah digubal dan mencadangkan langkah-langkah intervensi yang sesuai dan tepat pada masanya untuk menjamin pencapaian keberhasilan yang dirancang di peringkat jabatan dan organisasi.</li> <li>Menerapkan kaedah-kaedah, amalan-malan terbaik dan sistem perancangan strategik yang kontemporari dan terkini untuk memacu transformasi di peringkat jabatan dan organisasi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyatakan dengan jelas visi, halatuu strategik baharu dan faktor kejayaan kritikal (<i>critical success factors</i>) yang akan membentuk masa hadapan organisasi.</li> <li>Mendapatkan sokongan dan penglibatan pemegang kepentingan (<i>stakeholder</i>) untuk bersama merealisasikan visi dan halatuu strategik yang baharu.</li> <li>Mementuk persekitaran, cara pemikiran dan pendekatan baharu ke arah transformasi kecekamlngan jabatan.</li> </ul>

## Kompetensi: Penggubalan dan Penguatkuasaan Dasar

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Penggubalan dan Penguatkuasaan Dasar</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan menilai, merancang dan menyelia dasar serta perundangan yang perlu bagi memastikan strategi organisasi dapat dilaksanakan dengan jayanya. Keupayaan untuk menilai dan membuat keputusan terhadap kes-kes pelanggaran dan ketidakpatuhan dasar dan undang-undang.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecelakan Kompetensi

<b>Berpengertian</b>	<b>Berkebolehpayaan</b>	<b>Berkemahiran</b>	<b>Berkepakaran</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami proses dan prosedur penggubalan dan penguatkuasaan dasar dengan jelas.</li> <li>Menilai maklumat berkaitan dan menyediakan rangka dasar untuk kelulusan kerajaan dan melakukan pindaan dan penambahbaikan kepada deraf tersebut.</li> <li>Mengkaji impak dan implikasi penguatkuasaan suatu dasar dan mencadangkan penambahbaikan kepada rangka dasar untuk kelulusan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendapatkan maklum balas dan pandangan perundangan daripada pihak-pihak berkepentingan untuk menggubal dan menguatkuasakan dasar yang menepati keperluan Jabatan dan mematuhi undang-undang.</li> <li>Menyediakan dan menyiapkan deraf terakhir berkenaan sesuatu dasar untuk kelulusan pihak perundangan dan pucuk pimpinan.</li> <li>Melakukan audit terhadap penguatkuasaan dasar dan menyediakan laporan mengenai hasil audit tersebut dan mencadangkan tindakan kepada penambahbaikan dasar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan pentafsiran yang jelas dan tepat untuk menentukan tindakan bersesuaian terhadap kes-kes pelanggaran dan ketidakpatuhan.</li> <li>Mencadangkan penambahbaikan kepada dasar untuk menangani isu dan situasi-situasi yang bukan rutin atau tidak dinyatakan di dalam dasar tersebut.</li> <li>Mencadangkan pindaan atau pemansuhan sesuatu dasar yang didapati kurang sesuai atau tidak lagi boleh diguna pakai.</li> <li>Mengadaptasikan amalan-amalan terbaik untuk meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan penggubalan dan penguatkuasaan dasar secara menyeluruh di semua bahagian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperincikan ciri-ciri kritikal, proses untuk dipatuhi dan keberhasilan yang ingin dicapai dalam menggubal dasar yang proaktif dan berwawasan.</li> <li>Membangunkan strategi dan pendekatan baharu serta menguatkuasa dasar dengan cekap dan berkesan bagi mengurangkan karenah birokrasi.</li> <li>Berkongsi kepakaran dan pengalaman dengan pihak-pihak luar bahagian atau Jabatan sendiri untuk menyelaraskan tatacara penggubalan dan penguatkuasaan dasar di serata jabatan.</li> </ul>



## Kompetensi: Pengurusan Pemegang Kepentingan

<b>Komponen Kompetensi</b>	Teras
<b>Kategori</b>	Generik
<b>Nama Kompetensi</b>	Pengurusan Pemegang Kepentingan
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan untuk mengenali, memahami dan mewujudkan hubungan yang positif dengan pihak berkepentingan utama ( <i>key stakeholders</i> ). Berupaya menterjemahkan aspirasi dan keperluan <i>stakeholders</i> kepada program-program pelaksanaan yang memanfaatkan rakyat atau Perkhidmatan Awam. Berkeupayaan mengaplikasikan strategi dan kaedah mempengaruhi dan mendapatkan sokongan pihak berkepentingan utama ( <i>key stakeholders</i> ) serta menangani persepsi mereka terhadap organisasi.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	Semua Bahagian

### Tahap Kecekapan Kompetensi

Berpengetahuan	Berkebolehubayaan	Berkemahiran	Berkepakaran
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami kepentingan mewujudkan hubungan yang positif dengan pihak berkepentingan utama.</li> <li>Mengenali kumpulan sasaran yang mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung terhadap jabatan.</li> <li>Mengenal pasti keperluan dan harapan pihak berkepentingan yang hendak dipenuhi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merangka dan membangunkan rancangan <i>stakeholders</i> bersepadu dan tersusun.</li> <li>Melaksanakan program-program bersama <i>stakeholders</i> bertujuan untuk memberi pendidikan mengenai visi, misi, objektif dan operasi Jabatan.</li> <li>Berkongsi maklumat mengenai peranan Jabatan yang memberi impak kepada kepentingan dan kesejahteraan <i>stakeholders</i> dan peranan yang dimainkan oleh <i>stakeholders</i> untuk menjayakan sistem penyampaian perkhidmatan.</li> <li>Mengkaji dan menilai keberkesanan dan keberhasilan program-program untuk <i>stakeholders</i> dan melakukan penambahbaikan kepada pelaksanaan program-program terbabit.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal dan memahami keperluan khusus <i>key stakeholders</i> di peringkat negeri dan negara.</li> <li>Membangunkan strategi yang mantap bagi mengeratkan hubungan bersama <i>stakeholders</i> bertujuan untuk mendapatkan sokongan terhadap inisiatif-inisiatif Jabatan dan memanfaatkan pengaruh <i>stakeholders</i> untuk memajukan kepentingan jabatan.</li> <li>Membangunkan mekanisme dan alat-alat komunikasi yang memberi ruang dan peluang kepada <i>stakeholders</i> untuk menyampaikan maklum balas, idea dan cadangan mengenai perkhidmatan jabatan.</li> <li>Mempertingkatkan <i>stakeholders</i> menerusi sesi dialog untuk memberi akses terus kepada pembuat dasar dan keputusan di peringkat jabatan dan mengurus persepsi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperincikan dengan jelas ciri-ciri model pengurusan <i>stakeholders</i> yang berkesan untuk menjayakan strategi dan mencapai matlamat jabatan dan organisasi.</li> <li>Berupaya membina keyakinan dan kepercayaan antara <i>stakeholders</i>.</li> <li>Menggunakan pengetahuan, kepakaran dan pengalaman mengenai latar belakang, persepsi, aspirasi dan keperluan pelbagai kelompok <i>stakeholders</i> untuk mendorong <i>stakeholders</i> berkenaan mencapai kolaborasi menang-menang bagi faedah jabatan dan organisasi.</li> </ul>



## Kompetensi: Profesionalisme

Komponen Kompetensi	Teras
Kategori	Generik
Nama Kompetensi	Profesionalisme
Definisi Kompetensi	Keupayaan mengamalkan integriti, ketelusan, kesopanan, kejujuran dan bertanggungjawab semasa berurusan dengan pihak lain.
Bahagian yang Terlibat	Semua Bahagian

### Tahap Kecelakan Kompetensi

Berpengertian	Berkebolehpayaan	Berkemahiran	Berkepakaran
<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami peranan dan tanggungjawab dan kod etika sebagai penjawat awam dan matlamat perkhidmatan awam.</li> <li>Melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengikut piawaian yang ditetapkan.</li> <li>Berinteraksi secara telus, sopan dan jujur dengan rakan sekerja, pihak atasan dan pelanggan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meletakkan kepentingan perkhidmatan awam sebagai keutamaan dalam setiap tindakan.</li> <li>Mempamerkan identiti sebagai seorang penjawat awam yang berintegriti tinggi melalui tutur kata, tingkah laku dan gaya hidup.</li> <li>Menghindarkan <i>conflict of interest</i> dalam perkhidmatan awam.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berupaya meyakinkan pihak berkuasa untuk membuat keputusan yang terbaik.</li> <li>Berupaya mengurus keperluan pelanggan dalam situasi sukar dan di luar bidang kuasa serta peraturan yang ditetapkan.</li> <li>Berkemampuan menjangka situasi yang berpotensi menimbulkan salah tanggapan terhadap peranan dan kedudukan sendiri sebagai penjawat awam dan imej organisasi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadi contoh unggul sebagai seorang penjawat awam yang berprestasi tinggi dan berintegriti.</li> <li>Berupaya merangka dan melaksanakan strategi berkesan bagi membudayakan prestasi tinggi dan berintegriti.</li> <li>Mencipta dan menguatkuasakan kod etika dan tadbir urus yang lebih mantap dan efisien serta bertunjangan keberhasilan dan kompas moral yang tinggi.</li> </ul>

## Kompetensi: Pengurusan Bajet

<b>Komponen Kompetensi</b>	Teras
<b>Kategori</b>	Generik
<b>Nama Kompetensi</b>	Pengurusan Bajet
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan memahami dan mematuhi peraturan-peraturan dan acara kewangan. Berkeupayaan menyediakan bajet dan mengawal perbelanjaan mengikut peraturan yang ditetapkan. Menguasai aspek dan prinsip perbelanjaan awam.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	Semua Bahagian

### Tahap Kecekapan Kompetensi

Berpengalaman	Berkebolehpupayaan	Berkemahiran	Berkepakaran
<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu ketua/penyelia dalam penyediaan bajet dan kawalan perbelanjaan mengikut tatacara yang ditetapkan.</li> <li>Meneliti setiap permohonan untuk peruntukan bajet dari sudut pematuhan dengan prosedur-prosedur kewangan dan perbendaharaan dan memajukan permohonan yang lengkap kepada pihak pengurusan untuk kelulusan.</li> <li>Merujuk kepada ketua/penyelia mengenai hal-hal berbangkit dengan situasi bukan rutin.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami secara asas mengenai Pekeliling Kewangan dan seksyen-seksyen berkaitan di bawah Arah-an Perbendaharaan dan/ atau Akta Tatacara Kewangan 1957 yang memabatkan pengurusan bajet jabatan.</li> <li>Melakukan saringan ke atas setiap permohonan peruntukan menurut tatacara kewangan yang ditetapkan.</li> <li>Memantau dan melaporkan varian (perbezaan di antara kos perbelanjaan sebenar dan peruntukan diluluskan) untuk makluman dan tindakan pihak pengurusan.</li> <li>Merujuk kepada ketua/penyelia mengenai isu-isu memabatkan pelaksanaan yang memerlukan pentafsiran dan penjelasan Pekeliling Kewangan dan Arah-an Perbendaharaan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami dengan mendalam mengenai Pekeliling Kewangan dan seksyen-seksyen berkaitan di bawah Arah-an Perbendaharaan dan/ atau Akta Tatacara Kewangan 1957 yang memabatkan pengurusan bajet jabatan.</li> <li>Mengkaji, menganalisis dan merumus status semasa perbelanjaan bajet dan mencadangkan langkah-langkah bersesuaian dan tepat pada masanya untuk mencegah berlakunya kemungkinan pembaziran, penyalahgunaan dan kehabisan peruntukan.</li> <li>Merancang, memantau dan mengawal perbelanjaan peruntukan mengikut keutamaan keperluan dan melakukan intervensi proaktif dan berkesan demi memelihara kesejahteraan kewangan jabatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menerajui usaha untuk membudayakan penyediaan dan pengurusan bajet yang cekap dan berkesan.</li> <li>Memperkenalkan sistem, kaedah dan tatakerja baharu untuk membangunkan sistem pengurusan bajet yang mampan.</li> <li>Menilai dan mencadangkan penambahbaikan kepada Dasar dan Pekeliling Kewangan dan seksyen-seksyen berkaitan di bawah Arah-an Perbendaharaan dan/atau Akta Tatacara Kewangan 1957 yang memabatkan pengurusan bajet jabatan.</li> </ul>



**KOMPETENSI TERAS**  
**GENERIK**  
**KUMPULAN PELAKSANA**



## Kompetensi: Pengurusan Acara Rasmi

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Pengurusan Acara Rasmi</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan mengetahui dan memahami aspek etika dan protokol yang sesuai semasa menguruskan acara rasmi. Keupayaan membantu untuk membuat perancangan, melaksana dan menilai program serta acara-acara rasmi. Membantu untuk menguruskan aktiviti mengikut prosedur, etika dan protokol yang sesuai untuk mengekalkan hubungan profesional sepanjang acara tersebut.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecekapan Kompetensi

Asas	Berkebolehan	Cekap
<ul style="list-style-type: none"> <li>Kebolehan mengetahui dan memahami prosedur, etika dan protokol yang wajib diikuti ketika menguruskan acara rasmi kerajaan.</li> <li>Membantu melaksanakan dan menyempurnakan aktiviti-aktiviti yang ditugaskan oleh ketua/ penyelia.</li> <li>Merujuk kepada ketua/ penyelia mengenai isu-isu berbangkit yang tidak dijangka ketika menguruskan acara rasmi kerajaan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu mengumpul maklumat tepat, sah dan terperinci mengenai acara rasmi yang akan diuruskan untuk dikongsi semasa mesyuarat pemula.</li> <li>Membantu merancang aktiviti-aktiviti yang perlu dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas acara rasmi tersebut, menyiapkan pelan tugasan, menyediakan anggaran kewangan dan keperluan sumber dan pelan kontingenasi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu mengenal pasti dan merangka strategi sesuai ke arah merealisasikan keberhasilan dan matlamat acara yang berimpak tinggi.</li> <li>Membantu mengawasi kelancaran pengurusan acara rasmi, memberi maklum balas serta merta untuk menambah baik perjalanan acara rasmi dan melakukan intervensi langsung untuk mengelak berlakunya kepincangan kepada acara rasmi tersebut.</li> </ul>

## Kompetensi: Pengurusan Program

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Pengurusan Program</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Keupayaan membantu untuk membuat perancangan melaksana dan menilai program berskala kecil, sederhana dan besar. Memahami aspek etika dan protokol yang sesuai semasa menguruskan program. Menguruskan aktiviti mengikut prosedur, etika dan protokol yang sesuai untuk mengekalkan hubungan profesional sepanjang program tersebut.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecelapan Kompetensi

Asas	Berkebolehan	Cekap
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengetahui dan memahami prosedur, etika dan protokol yang wajib dituruti ketika menguruskan program.</li> <li>Membantu melaksanakan dan menyempurnakan aktiviti-aktiviti yang ditugaskan oleh ketua/penyelia.</li> <li>Merujuk kepada ketua/ penyelia mengenai isu-isu berbangkit yang tidak dijangka ketika melaksanakan program.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu mengumpul maklumat tepat, sahih dan terperinci mengenai program yang akan diuruskan untuk dikongsi semasa mesyuarat pemula.</li> <li>Membantu merancang aktiviti-aktiviti yang perlu dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas program tersebut, menyiapkan pelan tugasan, menyediakan anggaran kewangan dan keperluan sumber serta pelan kontigensi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu merangka strategi sesuai ke arah merealisasikan keberhasilan dan matlamat acara yang berimpak tinggi.</li> <li>Membantu mengkaji, menganalisis dan merumus pelan pengurusan acara dan mencadangkan penambahbaikan atau perubahan kepada rancangan asal.</li> <li>Membantu mengawasi kelancaran pengurusan acara rasmi, memberi maklum balas untuk menambah baik perjalanan acara rasmi.</li> </ul>

## Kompetensi: Penulisan Dokumen Rasmi

<b>Komponen Kompetensi</b>	<b>Teras</b>
<b>Kategori</b>	<b>Generik</b>
<b>Nama Kompetensi</b>	<b>Penulisan Dokumen Rasmi</b>
<b>Definisi Kompetensi</b>	Kebolehan menguasai bahasa dengan mahir dan penyampaian maklumat dengan jelas dan tepat. Keupayaan membantu untuk merancang dan menulis dokumen rasmi termasuk minit mesyuarat, laporan dan kertas cadangan yang jelas bertujuan untuk menyampaikan arahan, mesej yang tersirat mengikut garis panduan, prosedur dan piawaian. Keupayaan menyediakan dokumen rasmi yang sempurna tanpa kesilapan dari segi ejaan, tatabahasa dan tanda bacaan.
<b>Bahagian yang Terlibat</b>	<b>Semua Bahagian</b>

### Tahap Kecekapan Kompetensi

Asas	Berkebolehan	Cekap
